

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Isnin 9 November 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)
YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)
YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

TIDAK HADIR

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Ketua Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Assamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke Dua Belas Pada 9 November 2009 dimulakan Dengan Bacaan Doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: PROKLAMASI OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 09 November 2009 hingga 13 November 2009 dan 16 November 2009 hingga 17 November 2009 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 05 hari bulan Oktober 2009.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada YAB Dato' Menteri Besar Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai

Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Ketiga Dewan Yang Mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ke 12. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat Ketiga ini akan menumpukan Pembentangan Bajet 2010 di mana YAB Dato Menteri Besar akan membentangkan bajet pada hari esok. Tanpa melengahkan masa sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan Untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini. Dipersilakan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2009
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2009
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2009
 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2009
 - Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi Tahun 2008.
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2009
 - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2008.
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2009
 - Enakmen Perbekalan Tambahan No. 2 2009 Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee Pindaan 2009.
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2009
 - Enakmen Perbekalan 2010 2009
- viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2009
 - Enakmen Peruntukan Diraja Pindaan 2009

- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2009,
- Surat Akuan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 bagi 12 PBT Negeri Selangor.
 - Majlis Bandaraya Shah Alam
 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - Majlis Perbandaran Klang
 - Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - Majlis Perbandaran Subang Jaya
 - Majlis Perbandaran Sepang
 - Majlis Perbandaran Kajang
 - Majlis Perbandaran Selayang
 - Majlis Daerah Sabak Bernam
 - Majlis Daerah Hulu Selangor
 - Majlis Daerah Kuala Langat
 - Majlis Daerah Kuala Selangor
- x) Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2009
- Penyata Jawatankuasa Pemilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK Padat)
- xi) Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2009
- Penyata Jawatankuasa Pemilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPKPBT)
- xii) Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2009
- Penyata Jawatankuasa Pemilihan Khas Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat Negeri (JPK ABAS)
- xiii) Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2009
- Memorandum Perbendaharaan Negeri mengenai Perbelanjaan Bekalan Tambahan Kedua 2009 bagi Kerajaan Negeri Selangor
- xiv) Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2009
- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2008
- xv) Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2009
- Penyata Kewangan Kumpulan Tabung Warisan Negeri Selangor 2008.
- xvi) Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2009
- Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008

xvii) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2009

- Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor 2010

V. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Dipersilakan Yang Berhormat Kota Damansara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)

TAJUK: KRISIS EKONOMI

1. Krisis Ekonomi sentiasa berulang-ulang mengakibatkan pekerja-pekerja kehilangan pekerjaan.
 - a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan ini sebelum berlakunya lagi krisis ekonomi?
 - b) Bagaimana dengan cadangan untuk menyediakan tabung kecemasan sebagai bantuan awalan di samping mereka mencari pekerjaan baru?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Kota Damansara yang mempersoalkan tentang persediaan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan ini sebelum berlakunya krisis ekonomi, dan bagaimana untuk Kerajaan sama ada bersetuju atau tidak untuk menyediakan tabung membantu beban awalan, di samping mereka mencari pekerjaan baharu. Pada awal tahun 2009 Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan sebuah Jawatankuasa Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja. Jawatankuasa ini berjumpa setiap minggu selama 5 bulan. Antara ahli yang dijemput hadir adalah *Federal Of Malaysian Manufacturers, Malaysian Trade Union Congress*, Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor dan wakil-wakil daripada pusat latihan, syarikat-syarikat tertentu dan Kementerian-Kementerian Persekutuan.

Oleh sebab kadar kenaikan pemberhentian pekerja sekarang semakin kurang dan terdapat banyak syarikat dan kilang hendak menambahkan pekerja-pekerja mereka, jawatankuasa ini tidak lagi berjumpa. Walau bagaimanapun, program-program yang dimulakan pada awal tahun 2009 masih berterusan seperti Selangor *Retrenchment Helpline* yang boleh dicari dengan melayari laman web Selangor. Kerjasama ini dijalin dengan sebuah firma swasta Jobstreet.com yang menolong mereka untuk mencari pekerjaan melalui *network* syarikat yang sedia ada. Borang juga boleh diisi di kaunter Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh dihantar terus kepada Kerajaan Negeri untuk dipantau dan dimasukkan dalam laman web.

Selain itu, Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan dapat menolong mereka yang memerlukan bantuan kalau mereka layak. Kerajaan Negeri Selangor bersama *Malaysian Indian Business Association (MIBA)* juga sudah menganjurkan 3 seminar percuma untuk orang ramai. Objektif Seminar tersebut adalah untuk menolong usahawan dan memberi nasihat kewangan dan latihan yang sedia ada. Pihak UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri) turut melaksanakan latihan vokasional supaya mereka yang tidak mendapat kerja boleh dimasukkan dalam kelas-kelas yang tertentu termasuk kelas menjahit, memasak dan mereka yang miskin

memulakan enterprise atau usahanya sendiri. Pejabat Yang Berhormat, Dr. Xavier juga terlibat dalam sesi bersama EWRF (*Education Welfare and Research Foundation*).

Kerajaan Negeri amat serius dalam usaha menangani isu pemberhentian pekerja akibat kemelesetan ekonomi semasa. Kita sedia memberi pertimbangan terhadap cadangan penyediaan tabung kecemasan sebagai bantuan awal. Bantuan seperti ini sudah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor melalui peruntukan program sedia ada. Rakyat negeri Selangor yang kehilangan pekerjaan boleh menerima bantuan awal, antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan kewangan rawatan kesihatan, bantuan sewa rumah dan bantuan pendidikan dengan perkhidmatan, dan kita mengendalikan permohonan pekerjaan menerusi Selangor *Retrenchment Helpline* dengan kerjasama Pusat Teknologi, Maklumat dan Komunikasi Negeri Selangor dan Syarikat Jobstreet Com. Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, keadaan sekarang sudah berubah. Sekarang masalah di negeri Selangor bukan orang diberhentikan kerja tetapi kita memerlukan ramai pekerja. Lebih dua puluh ribu pekerja *operator* yang kita perlukan. Dalam hal ini kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Puan Dr. Halimah binti Ali dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor ada melaksanakan program Jom Kerja di seluruh daerah Negeri Selangor dan lokasi yang pertama sudah dibuat di Sekinchan pada 7 dan 8 November ini.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Terima kasih. Soalannya yang saya timbulkan kerana adakah usaha-usaha, untuk ada yang dikatakan bahawa memang ada peluang pekerjaan. Tetapi saya juga menerima banyak aduan bahawa mereka tidak ada kerja. Kota Damansara ingin tahu adakah pemantauan dilakukan untuk memastikan sama ada yang tidak bekerja dapat kerja.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Kita merancang dan meminta supaya Dr. Halimah dan rakan-rakan membawa pasukan yang terdiri daripada syarikat-syarikat untuk mencari orang yang memerlukan pekerjaan, termasuk daripada Jabatan Kerja Raya, dan sebagainya. Sebagai contoh di Sekinchan: daripada dua ratus pencari kerja yang datang mereka terus ditemu duga dan pada masa itu juga ditentukan sama ada mereka boleh dapat kerja atau pun tidak. Misalnya, daripada dua ratus yang tak dapat kerja lebih daripada seratus enam puluh yang dapat kerja. Jadi kalau program itu sampai ke Kota Damansara, bolehlah dikumpulkan belia-belia atau pun rakan-rakan yang tak ada kerja untuk ditemu duga dan tujuannya ia bersifat *on the spot*. Penerimaan pekerjaan itu juga bersifat *on the spot*. Boleh jadi sesetengah daripada mereka yang tak dapat kerja. Kita juga ada pasukan daripada Lembaga Zakat atau pun Tenaga Kerja untuk menolong bagaimana mengatasi masalah tersebut. Jadi, ia juga berbentuk *it's on the spot*. Jadi boleh jadi sekarang kita minta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bekerjasama untuk memberitahu kita kalau sudah ada kumpulan yang sedia nak minta kerja kita bawa pegawai-pegawai syarikat itu datang ke kawasan tersebut. Dia tak perlu datang ke pejabat, hanya *interview* di tempat sana dan kedua kita juga mencadangkan kalau kumpulan itu dapat di tempatkan di sesuatu kampung dan seterusnya kita bercadang untuk mengadakan kemudahan yang sesuai. Maknanya, kita mengadakan bas untuk membawa mereka pergi bekerja dan habis bekerja bawa balik ke kampung supaya tidak terdapat kekurangan anak-anak muda di kampung tersebut. Bermakna, kita ada program tersebut. Mungkin ia belum sampai ke Kota Damansara, tetapi saya berharap kalau ini berlaku kita boleh

pecahkan pasukan. Saya baru melancarkan Jom Kerja pada hari Sabtu ini, hari Jumaat untuk mereka menjalankan beberapa tempat yang mereka jelajahi. Maknanya kita boleh pergi ke kampung-kampung. Di Hulu Langat, Pegawai Daerah ada memanggil semua ketua-ketua kampung untuk memberitahu mereka jika mereka mengetahui terdapat belia-belia yang masih tak dapat pekerjaan dan kita usahakan supaya mereka mencari kerja. Perkara yang kedua kita hendak usahakan supaya belia-belia ini dapat juga dimasukkan ke pusat-pusat latihan supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran mereka selain sebagai *operator*. Ini *stage* yang kedua. *Stage* yang pertama kita isi pekerjaan ini dahulu.

Ini penting kerana salah satu daripada permintaan dari syarikat-syarikat asing dan syarikat-syarikat tempatan yang beroperasi syarikat-syarikat, kalau mereka tidak dapat pekerja yang bekerja di kilang-kilang mereka, mereka ada dua cadangan. Pertama, meminta kerajaan meluluskan supaya membawa pekerja-pekerja asing. Kedua, mereka pindah ke ke negeri-negeri lain. Jadi kita minta supaya perkara ini kita buat program ini dahulu sebelum membuat apa-apa keputusan. Saya ingin memperbetulkan statistik Dr. Halimah yang memberitahu saya di Sekinchan terdapat seribu tujuh puluh lapan berdaftar. Ada seribu orang berdaftar dah dapat kerja empat ratus lapan puluh, *on the spot*. Jadi kita perlu *follow up*. Ini beberapa penerangan yang boleh kita berikan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker, soalan saya nombor dua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: DASAR-DASAR UNTUK MEMBANTU IBU TUNGGAL YANG MISKIN SECARA SISTEMATIK

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Berapakah ibu tunggal yang sudah didaftar bawah Kerajaan Negeri dan berapakah di antaranya pendapatan kurang daripada RM1500?
 - b) Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menolong golongan tersebut.
 - c) Sila nyatakan semua bantuan yang telah diberi kepada ibu tunggal dan berapakah jumlah penerima sejak tahun 2008?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, dan ahli-ahli dewan. Saya ingin menjawab soalan kepada Teratai kerana saya tahu isu ibu tunggal ini banyak mengundang atau minat kepada semua ahli dewan untuk membantu. Jadi sehingga 25 Oktober 2009 secara rasmi setelah dikumpulkan semua pendaftaran yang dibuat melalui Portal e-bu.org adalah seramai sembilan belas ribu tujuh ratus sembilan puluh lima orang yang telah pun mendaftar dan daripada jumlah ini sebenarnya kita lihat bahawa sembilan puluh tiga peratus daripada mereka yang telah mendaftar merupakan mereka yang terdiri daripada yang berpendapatan bawah seribu lima tuas ringgit. Seterusnya soalan tentang beberapa jenis bantuan kepada ibu tunggal. Bantuan yang kita berikan banyak peringkat. Yang pertamanya dalam bentuk bantuan kerajaan prihatin kita baiki rumah-rumah bagi ibu-ibu tunggal yang kita lihat layak dan kita lihat

tentang keadaan kehidupannya yang begitu daif. Yang keduanya kita buat kerajaan memperuntukkan bantuan *Blue print* Kemiskinan iaitu bantuan kepada mereka yang miskin dan ingin memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan. Tetapi apa pun kali ini kita bantu dalam konteks kita mengenal pasti dulu kemahiran yang ada oleh ibu-ibu tunggal tersebut, setelah kita lihat kemahiran itu ada barulah kita bagi mereka bantuan dari sudut keusahawanan itu sendiri. Yang ketiganya Dana Usahawan IKS yang mana dana bagi mereka yang ingin mengembangkan perniagaan sendiri. Maknanya kalau dah ada perniagaan, kita tengok ibu-ibu tunggal ini boleh pergi jauh lagi, kita tambah lagi dana dan bantuan-bantuan peralatan supaya mereka ini boleh pergi jauh. Dan keempatnya kita menempatkan juga pekerjaan yang sesuai mengikut kemampuan kemahiran ibu-ibu tunggal sebagaimana yang Dato' Menteri Besar cakap tadi bahawa peluang pekerjaan Jom Kerja ini bukan sahaja terletak atau pun diberikan kepada belia, tetapi kita panjangkan juga kepada ibu-ibu tunggal yang sebenarnya ada kemahiran dan mampu mengisi kekosongan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan atau pun kilang. Yang Ketiga tentang Program Kerajaan Prihatin. Perkara tentang berapa jumlah bantuan dan sebagainya. Program Kerajaan Prihatin tentang kita bina rumah itu, bina baru pada tahun 2008 kita bina baru rumah sebanyak tiga puluh satu dan pada tahun 2009 bina rumah sebanyak lima puluh enam. Maknanya jumlah keseluruhannya adalah lapan puluh tujuh jumlah. Baik pulih, kita membaik pulih rumah-rumah yang untuk ibu-ibu tunggal ini pada 2008 sebanyak tiga puluh empat pada 2009 sebanyak empat puluh lima, jadi jumlah keseluruhan adalah tujuh puluh sembilan. Jadi jawapan keseluruhannya pada 2008 dan 2009 jumlah keseluruhan rumah baik puluh dan juga bina baru sebanyak seratus enam puluh enam rumah.

Jadi tentang *Blue print* Kemiskinan iaitu bantuan kepada mereka yang miskin dan memulakan perniagaan. Sebanyak dua puluh lima penerima telah pun menerima pada tahun 2008 dan tujuh puluh dua penerima telah menerima pada tahun 2009. Dana Usahawan pula pada 2008 sebanyak empat puluh penerima yang mana setiap penerima itu menerima bantuan sebanyak lima ribu ringgit setiap seorang tetapi 2009 ini kita ubah cara pemberian tersebut kita kumpulkan setiap dewan negeri sepuluh ibu tunggal, kita kelompokkan pemberian itu dan kita masukkan mereka dalam program pusat komuniti wanita di mana di situ kita memberikan bimbingan secara berkelompok. Maknanya dulu kita bagi seorang-seorang buat di rumah, tapi bila didapati dan dinilai bahawa ada ibu-ibu tunggal ini bila tidak ada bimbingan mereka terpaksa tidak menggunakan dana itu untuk membangunkan ekonomi mereka, ada yang menjual balik peralatan dan sebagainya. Sebab itu kita kumpul tahun ini sebanyak sepuluh DUN dan sepuluh kali ibu tunggal maknanya seratus ibu tunggal akan mendapat bimbingan secara terus daripada pusat komuniti ini setelah mereka ini berjaya di situ diberikan kemahiran dan juga bimbingan dari sudut kita-kira kewangan dan sebagainya barulah kita berikan pelepasan untuk mereka bersendirian di dalam menguruskan program usahawan. Selain itu juga kita membuatkan program-program agak kecil-kecilan, seramai sembilan puluh orang telah menghadiri tiga kursus jahitan sulaman dan jahitan- jahitan yang lain di mana kemahiran ini sebenarnya membantu ibu-ibu tunggal melaksanakan program ekonomi mereka dari rumah. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Teratai

YB PUAN LEE YING HA: Ya soalan tambahan. Terima kasih Y.B EXCO yang menyebutkan panduan-panduan sebagai membaiki rumah untuk ibu tunggal. Tapi soalan tambahan saya ialah bagaimana dengan ibu tunggal yang tak ada rumah atau yang tak mampu membeli rumah. Mereka membayar sewa tiap-tiap bulan itu satu beban yang memang tekanan untuk mereka.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Bagi mana-mana permohonan daripada ibu tunggal yang tidak mampu memiliki rumah atau yang tidak ada rumah sendiri atau pun tapak tanah sendiri kita telah pun menempatkan mereka ke rumah-rumah PPR yang saya rasa sedia ada dan kita juga memberikan kepada mereka bukan sahaja sewa yang kita kurangkan sebanyak seratus dua puluh empat ringgit dan kalau yang biasa itu dua ratus lima puluh. Jadi kita faham bahawa mereka yang tidak mampu kita tempatkan di rumah-rumah PPR kalau zakat ada rumah yang khusus pihak zakat tempatkan bagi mereka.

TUAN SPEAKER: Sri Muda

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan, Tuan Speaker, saya ada terdengar tentang pendaftaran ibu-ibu tunggal ini melalui *on-line* jadi bolehkah Yang Berhormat EXCO terangkan tentang status terkini pendaftaran tersebut.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker saya telah menjawab pada soalan pertama tadi, iaitu status terkini sebanyak 19,975 orang telah mendaftar, jadi daripada inilah daripada pendaftaran itu yang kita kira secara rasmi kita ambil nama-nama ini untuk kita bimbing dan kita masukkan dalam program-program yang ada.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Saya faham soalan itu, cuma saya nak tahu tentang perkembangan dia, adakah ini akan dilanjutkan lagi selain daripada ibu tunggal ini mungkin, orang-orang kurang upaya dan sebagainya, perkembangan atau lanjutan daripada pendaftaran ibu tunggal.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya perjelaskan bahawa Portal e-bu.org ini adalah khusus untuk ibu tunggal dan kalau kita lihat tentang pendaftaran, lain iaitu orang kurang upaya dan sebagainya telah ada di pejabat JKM, tetapi portal ini adalah portal yang khusus yang secara langsung di bawah pejabat EXCO wanita bagi membimbing wanita-wanita ini, dan ia sebenarnya berlanjutan bermula tahun lepas dan ia akan berterusan, Insya-Allah untuk kami lihat perkembangannya dan mana-mana yang dah ada program itu kita akan letakkan di bawah satu skim yang lain, Insya-Allah.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

3. Kerajaan Selangor banyak mempunyai maklumat yang mahu disampaikan kepada rakyat, tetapi rakyat kurang mendapat maklumat berkenaan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme yang digunakan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyampaikan maklumat kepada Rakyat?
- b) Sejauh manakah yang digunakan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyampaikan maklumat kepada Rakyat?

- c) Apakah media-media yang lain yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyampaikan maklumat?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat dari Bangi, mengenai soalan penyampaian maklumat mengenai Kerajaan dan Pentadbiran kepada rakyat. Sebelum kita menubuhkan satu unit baharu semua mekanisme penyebaran maklumat Kerajaan Negeri di Selangor digerakkan oleh urus setia media Pejabat Menteri Besar dan Perhubungan Awam Kerajaan Negeri.

Namun, dalam keadaan sosiopolitik negara hari ini, usaha ini tidak memadai kerana media dan arus perdana yang menguasai industri penyebaran maklumat ternyata kurang berminat ataupun tidak menerbitkan cerita-cerita untuk menyebarkan maklumat pentadbiran kerajaan negeri Selangor kepada rakyat. Oleh itu Kerajaan Negeri di Pejabat Menteri Besar dan Perbadanan Menteri Besar (atau Menteri Besar *Incorporated*, MBI) lantas menubuhkan sebuah syarikat komunikasi yang sekarang dikenali sebagai "*Communication Corporation Sdn Bhd*" (CCSB) yang mula berfungsi pada Mac 2009.

Syarikat ini diberi tugas untuk menyelaras maklumat mengenai aktiviti kerajaan Negeri Selangor dengan menggunakan pelbagai medium yang mungkin. Ini termasuk memanfaatkan Internet sebagai wadah komunikasi dalam bentuk teks dan video, serta media cetak. Bagi rakyat yang tiada kemudahan Internet rancangan sudah diatur untuk menyebarkan maklumat dalam bentuk VCD, DVD dan dalam bentuk majalah.

Dalam tempoh lapan bulan ini usaha serentak diambil memberi kemampuan penerbitan (*capacity building*) dalam bentuk guna tenaga dan kelengkapan penerbitan dan penyiaran serta sistem penyampaian yang berkesan.

Selangor Kini diusahakan penerbitannya oleh urus setia media Pejabat Menteri Besar dan edisi sulung bagi akhbar bulanan ini diterbitkan pada September 2008. Oleh sebab kerja penerbitan akhbar ini memerlukan guna tenaga yang agak besar kerana kerja penyuntingan, susun atur dan percetakan yang diswastakan kepada pihak ketiga, namun jumlah cetakan setiap edisi ialah 90,000 naskhah.

Bagi menilai keberkesanan **Selangor Kini** buat masa ini kita masih lagi membuat kajian dan amalan kita ialah setiap edisi terbitan **Selangor Kini** juga disalurkan melalui pejabat-pejabat ADUN yang kemudiannya diminta untuk diedarkan ke masjid, kuil dan Dewan Orang Ramai. Bagi meluaskan akses maklumat **Selangor Kini** kepada rakyat, pengedaran juga diadakan di tempat awam. Selepas beberapa perbincangan, Pejabat Menteri Besar juga meminta supaya pengedaran ini diletakkan di Pasar Raya *TESCO*, *Bintang* dan *Giant* untuk membolehkan **Selangor Kini** tersebar luas.

Bagaimanapun, jaringan pengedaran ini dijangka diperkuatkan dan diperbaiki apabila *CCSB* mengambil alih kerja pemberitaan, penyuntingan dan percetakan mulai Disember 2009. Juga perancangan tahun hadapan ialah untuk *CCSB* menerbitkan **Selangor Kini** dua kali sebulan, demi memastikan bahan yang diberikan kepada rakyat lebih terkini mengenai Pentadbiran Negeri Selangor. Selain itu, **Selangor Kini** mengikut keperluan, menerbitkan dan mengedar makalah mengenai isu semasa. Kerajaan Negeri berusaha untuk menggunakan semua mekanisme penyebaran maklumat sedia ada di pasaran iaitu media elektronik, cetak dan teknologi maya atau internet.

Di samping itu, usaha terus digiatkan untuk memperbaiki sistem dan pengurusan maklumat daripada Pejabat Menteri Besar untuk disalurkan kepada rakyat. Sumber maklumat pihak media yang dinyatakan dikendalikan oleh CCSB termasuklah pembangunan sistem media. CCSB sekarang dalam proses pembinaan keupayaannya dan mula menerbitkan TV Selangor.com sebuah portal berita yang menggunakan teks dan visual di samping menerbitkan detik Selangor program bual bicara **apakah khabar Selangor?**, forum mengandungi perbincangan dalam sorotan mingguan dalam bentuk Internet TV dan kini mempunyai keupayaan untuk menerbitkan program bersifat dokumentari dan berita purata 6 jam sehari mulai Oktober lepas. TV Selangor juga memulakan program secara langsung dan berbentuk *video on demand* (VOD).

Fasa Kedua pembangunan TV Selangor untuk memperbaiki sistem penyampaiannya. Pada masa ini rancangan-rancangan terbitan TV Selangor hanya dapat diakses melalui Internet. Ia bererti banyak bergantung pada mutu dan kelajuan *bandwidth* tersebut. Oleh sebab itu CCSB berusaha untuk menggunakan sistem televisyen, antena untuk semua bangunan kerajaan bermula dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menggunakannya dan menggunakan sistem manual edaran DVD untuk membuat siaran terus.

Dan melalui skim IT rakyat, CCSB juga menyusun sistem maklumat rakyat khususnya NGO untuk sebaran umum sebagai reaksi terhadap dasar dan pentadbiran Kerajaan Negeri. CCSB juga sedang merancang untuk menerbitkan sistem radio komuniti, oleh sebab masalah pelesenan merupakan hambatan dalam penyebaran maklumat menggunakan media elektronik radio komuniti yang dirancang dikendalikan bersama Pihak Berkuasa Tempatan, yang difikirkan cara yang terbaik untuk menyampaikan maklumat Kerajaan Negeri melalui radio.

Dalam fasa ketiga CCSB menerbitkan majalah bagi peringkat umur yang tertentu dan *target* kepada belia, wanita dan pendidik. Usaha ini sekarang dalam proses perkembangan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih dengan jawapan Yang Amat Berhormat, tetapi benda ini dengan begitu banyak saluran yang akan dibukakan untuk rakyat, kalau kita tengok peruntukan untuk Teknologi Maklumat untuk Negeri Selangor di bawah P08 hanya 200,000.00 jadi apakah peruntukan ini cukup untuk saluran maklumat itu.

Yang kedua saya bimbang memang kita banyak saluran maklumat tetapi saluran maklumat ini barangkali tidak diketahui oleh rakyat, saya sendiri pun tidak tahu banyak tu, jadi macam mana untuk nak memberitahu maklumat kepada rakyat menggunakan saluran ini untuk mendapat maklumat.

Yang Ketiga, bagaimana dengan Radio Selangor, dia mesra Selangor atau tidak kalau tidak apa sikap Kerajaan Negeri terhadap Radio Selangor. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat rakan daripada Bangi. Mengenai Radio Selangor saya sudah mengemukakan beberapa permohonan supaya Kerajaan Negeri dibenarkan mengadakan wawancara seminggu sekali, yang justeru dapat menyebarkan pelbagai maklumat dan seterusnya boleh berinteraksi dengan rakyat Selangor. Nampaknya, perkara tersebut tidak diendahkan, dan berdasarkan alasan itu, mereka pindah operasi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejak 2008.

Kedua saya faham tentang reaksi masyarakat kerana kurang maklumat bukan sahaja daripada segi maklumat tentang cara untuk mendapatkan maklumat tersebut,. Hal ini kita pantau. Daripada segi belanjawan ia tidak dimasukkan dalam belanjawan Kerajaan Negeri tetapi dibiayai melalui *MBI Incorporated*. Kita minta MBI menjalankan usaha supaya *CCSB* ini bukan sahaja beroperasi sebagai syarikat komunikasi tetapi apabila pemasaran cukup baik, ia boleh menceburi bahagian pengiklanan dengan menjadikan *CCSB* bukan sahaja syarikat yang beroperasi tetapi syarikat yang menjalankan perniagaan untuk mendapatkan keuntungan.

Jadi, dengan dua faktor itu, kita beroperasi sebagai syarikat swasta supaya kita dapat mengukur keberkesannya. Untuk mendapat iklan yang besar sudah tentulah komunikasi ini dapat menunjukkan kepada pengiklan-pengiklan itu yang ia ada 1 juta orang yang mengikuti perkembangannya. Dengan cara itu, *target* kita ataupun KPI kita terletak pada keupayaan mereka untuk menyebarkan maklumat dan ini diukur dengan harga iklan yang mereka boleh tawarkan kepada syarikat-syarikat tersebut.

Jadi, kita buat *serampang dua mata* tetapi akhirnya saya sekali lagi berharap Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri supaya dapat menggunakan media-media awam sebagai salah satu media untuk Kerajaan Negeri memberikan maklumat kepada rakyat Selangor, kerana rakyat Selangor juga pembayar cukai yang terbanyak di negara kita. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih. Berkaitan dengan media yang menguntungkan, yang dirancang di bawah *CCSB* adakah *CCSB* juga boleh pertimbangkan *billboard-billboard* yang di sepanjang jalan raya, lebuhraya diambil alih untuk menyebarkan maklumat dan juga menguntungkan Kerajaan. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya berpendapat perkara ini perlu diteliti dengan baik kerana *billboard* ini dalam kuasa jagaan Pihak Berkuasa Tempatan dan merupakan sebahagian daripada pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, kita boleh gabungkan usaha *CCSB* itu dengan Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka dapat berkongsi daripada segi saluran komunikasi dan saya rasa belum masanya kita mengambil alih operasi ataupun pengendalian media iklan daripada *billboard* Pihak Berkuasa Tempatan.

YB TUAN SPEAKAR: Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor empat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA (TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PESAKIT BUAH PINGGANG

4. Akibat daripada cara pemakanan yang tidak betul serta gaya hidup yang tidak sihat, ramai pada hari in mengidap penyakit merbahaya seperti darah tinggi, kencing manis, barah

dan lain-lain. Perkara ini juga telah menelan belanja yang besar bagi merawat penyakit yang dialami.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan warga Selangor mengamalkan gaya hidup sihat dan seterusnya mengurangkan kos rawatan?
- b) Peningkatan pesakit buah pinggang memerlukan lebih banyak pusat dialisis dibuka kepada orang ramai. Apakah perancangan Kerajaan dalam usaha ini?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, di dalam usaha untuk memastikan warga Selangor mengamalkan gaya hidup sihat, Kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai program dan kempen seperti program seminar kesihatan, kempen kesihatan bersama pesakit saraf serta pelbagai program-program kesedaran kesihatan. Di dalam seminar dan program yang dilaksanakan, secara umumnya, peserta didedahkan dengan cara dan amalan gaya hidup sihat. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan turut melaksanakan program-program kesihatan seperti Program Pencegahan Wabak Denggi, program Meningkatkan Kesedaran Penyakit Berjangkit serta aktiviti gotong royong membersihkan kawasan serta pelbagai aktiviti lain yang boleh memberi kesedaran betapa tingginya mengamalkan gaya hidup sihat.

Tuan Speaker, untuk soalan no. 2, yang ditanya oleh Taman Medan, saya kena jelaskan sedikit dengan keadaan berapa banyak lebih pusat dialisis akan dibuka di dalam Negeri Selangor? Di dalam usaha untuk memastikan warga Selangor mengamalkan gaya hidup sihat, Negeri Selangor telah mengadakan pelbagai program. Kempen kesihatan diadakan di kawasan perumahan, kawasan kampung dan juga di kawasan ladang. Isu mengurangkan kos rawatan kesihatan merupakan isu yang secara amnya di dalam adalah isu Kerajaan Persekutuan, yang itu Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi apa yang kita nampak di dalam isu ini beberapa bulan sebelum ini satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan di mana diumumkan beberapa negeri telah dibagikan untuk membenakan pusat-pusat dialisis tidaklah termasuk Negeri Selangor. Pendirian utama yang telah saya hendak diputuskan di sini ialah kalaulah Kerajaan Barisan Nasional Pusat yang terima dekat-dekat RM16 bilion ringgit dari penduduk di dalam Negeri Selangor yang bayar cukai kepada Persekutuan, kalaulah kita dapat balik sekurang-kurangnya 20% dari itu kepada bayaran terus kepada bayaran negeri, kita boleh dapat RM3.2 bilion. Ini boleh digunakan untuk kita sendiri di negeri untuk bina pusat-pusat dialisis di kawasan-kawasan tertentu. Tetapi dengan kos yang tertinggi ini untuk membina pusat-pusat dialisis dan juga untuk adakan dengan izin, *Administrative Course* yang tinggi, kita di negeri tidak mampu untuk benakan pusat-pusat dialisis di kawasan-kawasan tertentu. Sebab itu saya minta kerjasama dengan Pusat Kerajaan untuk membuka dalam Rancangan 2010 untuk adakan dana untuk membina klinik-klinik dialisis di beberapa kawasan di dalam tempat-tempat di Negeri Selangor. Saya mengharap Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional akan lebih prihatin terhadap kesihatan rakyat Malaysia khususnya di Negeri Selangor untuk mencari jalan untuk mengurangkan kos rawatan-rawatan yang ada di luar di sana. Kerajaan Negeri mengamalkan pembukaan pusat-pusat dialisis yang baru, tanggungjawab untuk memastikan bahawa jumlah pusat dialisis memadai adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Dan saya pun harapkan mulai tahun 2009 Kerajaan Negeri telah memulakan skim bantuan kesihatan di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin. Kerajaan Negeri akan membantu membayar sebanyak RM60.00 setiap rawatan dialisis yang dilakukan di Pusat Dialisis Kerajaan, Agensi, NGO atau swasta. Pembayaran akan dibuat terus kepada pusat tersebut.

Bagi pesakit buah pinggang, syarat-syarat tertakluk kepada pendapatan yang rendah di bawah RM1,500.00 dan pesakit tersebut tidak boleh menerima apa-apa bantuan lain selain seperti yang dapatkan bantuan dari pihak-pihak yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zakat, SOCSO, syarikat swasta atau majikan-majikan yang lain. Sekian, terima kasih.

YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKAR: Ia, silakan.

YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih kepada EXCO yang telah menjawab soalan tersebut. Dalam peruntukan ataupun bajet yang begitu terhad yang tidak mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat, saya mohon dibekalkan maklumat bantuan-bantuan yang telah dapat diberikan kepada penduduk di Selangor dan keduanya, apakah jumlah pesakit buah pinggang dan juga bilangan pusat dialisis yang sedia ada di dalam Negeri Selangor ini sudah mencukupi? Kalau tidak berapa peratus lagi yang perlu dipenuhi? Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Taman Medan. Dalam tahun yang akan datang, yang saya telah pun dikatakan di sini kita akan bagi bantuan kepada penyakit-penyakit dialisis yang itu yang telah saya sebutkan tadi RM60.00 seorang sekali untuk membuat dialisis dan ada syarat-syarat yang saya pun telah nyatakan tadi. Tetapi dengan itu pun kita akan memberi kemudahan untuk pembedahan kecil. Pembedahan kecil ini ialah untuk mereka yang ada sakit dialisis dengan izin *Lateral Winners Surgery* yang boleh membantu mereka yang tidak mampu untuk membuat demikian di dalam di pusat-pusat kesihatan yang ada. Dengan soalan yang ditanya berapakah pusat dialisis yang ada dan adakah kita perlu dapatkan pusat dialisis yang baru, memang pada masa yang sekarang kita tidak cukupi tempat-tempat di pusat-pusat dialisis di hospital-hospital Kerajaan. Di seluruh hospital Kerajaan Negeri Selangor sekarang yang kita katakan tidak ada tempat-tempat baru untuk penyakit-penyakit baru dengan penyakit dialisis. Untuk maklumat Dewan, tiap-tiap tahun di negeri kita, kita dapat lebih dari 3,000 orang yang menjatuhkan penyakit dialisis tiap-tiap tahun dan 3,000. Ini memandangkan dengan di Negeri Selangor yang saya tahu sekarang tidak cukup tempat-tempat dialisis yang oleh Kerajaan dan patutnya kita mengadakan lebih tempat-tempat dialisis di Negeri Selangor. Ini tadi pun saya jawab bukanlah tanggungjawab Negeri tetapi tanggungjawab Pusat Kerajaan Barisan Nasional di Putrajaya.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Terima kasih. Berkaitan dengan gaya hidup dan juga dari segi pengambilan ubat moden, kami difahamkan juga bahawa pengambilan ubat moden juga boleh menjejaskan buah pinggang. Apakah tindakan ataupun nasihat program pencegahan yang telah dilaksanakan untuk membantu?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Saya tak hendak *debat* tentang cara untuk kita adakan atasi masalah penyakit dialisis walaupun ada cara saintifik ataupun cara *alternative medicine* yang ada dan ubat-ubat yang dikatakan boleh mengakibatkan penyakit dialisis ini semua satu diskusi yang bukan Dewan ini yang kita adakan di sini tetapi kalau siapa-siapa minat untuk adakan diskusi ini kita boleh adakan satu seminar kursus di bawah STANCO Kesihatan untuk tengok macam mana kita akan hadapi penyakit dialisis ini.

YB TUAN DR. AHMAN YUNUS BIN HAIRI: Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAN YUNUS BIN HAIRI: Soalan saya berapakah jumlah peruntukan oleh Kerajaan Negeri yang diuntukkan untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis ini dan setakat ini berapa ramai pesakit-pesakit di Negeri Selangor ini yang mendapat bantuan tersebut? Dan satu lagi adakah anak syarikat Kerajaan Negeri masih lagi akan terus terlibat dalam menubuhkan pusat-pusat dialisis di Negeri Selangor dan juga termasuklah Lembaga Zakat yang setakat ini telah menubuhkan beberapa pusat dialisis di Negeri Selangor ini?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Jawab soalan yang pertama saya ingat lepas kita bincangkan bajet oleh Menteri Besar kita akan jawab. Memang satu anak syarikat Negeri Selangor yang itu PNSB telah buka satu pusat dialisis di Klang dan terus menjalankan tugas mereka. Dan Zakat juga mengadakan pusat-pusat di beberapa kawasan dan tempat di Negeri Selangor tetapi Zakat memberi rawatan khususnya untuk penyakit-penyakit orang Bumiputera Melayu sahaja. So, kita mesti mengadakan satu sistem di bawah di mana kita kena jaga orang-orang bukan Islam pun untuk penyakit dialisis ini. Dan kita di Negeri Selangor membuat demikian dengan peruntukan yang saya telah katakan tadi untuk penyakit-penyakit ini. Ia di mana kita boleh bagi bantuan melalui *cash* RM60.00 dialisis di Negeri Selangor. Tapi bajet itu saya akan bincang lepas bajet akan di bentang oleh Tan Sri Menteri Besar.

YB TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tuan Speaker, mengikut Peraturan Tetap 24(2) dikemukakan soalan no.5.

YB TUAN SPEAKER: Apa alasannya?

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tidak adil.

YB TUAN SPEAKER: Ia tak adil, tak adil sebab Peraturan Tetap kata kalau dia tak bangun. Kalau dia tak adil melainkan ada sebab yang munasabah. Kalau tidak saya akan arahkan supaya soalan ini dijawab secara bertulis. Kalau dia tak adil, jadi bukan tidak menepati ni.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Melainkan kalau soalan itu berkaitan dengan Yang Berhormat.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Saya hanya mengemukakan soalan no.4 (2) bagi Peraturan Tetap.

YB TUAN SPEAKER: Ia. Melainkan kalau seperti yang saya sebutkan. Melainkan ada alasan yang

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Saya mewakili.

YB TUAN SPEAKER: Mewakili tak bolehlah, terima kasih. Ia, jawapan ini akan diberi dalam secara bertulis. Terima kasih. Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN YAP EE WAH (SUNGAI PELEK)**

TAJUK: ISU DEMONSTRASI KEPALA LEMBU

6. Isu Demonstrasi Kepala Lembu menjejaskan keharmonian dan menyinggung perasaan rakyat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memulihkan suasana keharmonian kaum?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mencegah peristiwa sebegini berlaku pada masa depan?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Sg. Pelek membuatkan Dewan Negeri Selangor membangkitkan isu Demonstrasi Kepala Lembu. Tentang perkara lembu ni saya ingat banyak, tetapi apakah langkah kerajaan untuk memulihkan suasana keharmonian kaum? Soalan ini agak pelik, yang disoal oleh Sg. Pelek kerana yang membuat inisiatif keadaan ini ialah Sg. Pelik tahu mereka yang terlibat bukan memahami usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah keharmonian tetapi mengeruhkan keadaan tersebut. Bagaimanapun saya selaku Kerajaan Negeri sudah berusaha supaya kita adakan perbincangan, kita adakan pertemuan dan alhamdulillah, pendemonstrasi kepala lembu ini mula mendapat kesedaran.

Mengenai kuil kita juga mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu supaya mencari jalan yang paling munasabah mengambil kira kehendak masyarakat tempatan dan juga menerima hakikat bahawa rakyat juga perlu diberikan keadilan daripada segi kebebasan untuk beragama dan dapat membina tempat penempatan untuk sembahyang ataupun penempatan untuk mereka beribadat di tempat-tempat yang sesuai. Jadi, langkah-langkah ini kita lakukan dan kita sentiasa memantau supaya rakyat negeri Selangor dapat memahami bahawa bukanlah senang untuk menyelesaikan masalah satu pihak sahaja, tetapi menyelesaikan masalah rakyat yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang berlainan. Peristiwa-peristiwa ini boleh sentiasa berlaku jika tindakan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tak berfikir secara matang bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan boleh memberi kesan yang buruk kepada keharmonian masyarakat.

Tetapi pada masa ini saya fikir keadaan ini agak berbeza sebab kerajaan negeri sudah mengadakan usaha perbincangan dan saya juga mendapat pengalaman daripada perjumpaan dengan rakan-rakan daripada mereka yang menentang pembinaan kuil di aaa...di...aaa.. Auditorium Shah Alam baru ini, tapi akhirnya saya juga menerima panggilan daripada mereka, oleh sebab ia agak panas pada masa itu..sebab tindakan mereka agak keterlaluan.. Walau bagaimanapun apabila mereka meneliti keadaan yang sebenarnya tujuan kita sama iaitu usaha yang kita lakukan ini memberikan manfaat kepada semua rakyat di Selangor.

YB TUAN YAP EE WAH: Soalan Tambahan

PUAN SPEAKER: Ya, Sg. Pelek

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Puan Speaker. Adakah peristiwa ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita lemah apabila membuat sesuatu keputusan terutamanya mengenai isu agama ini. Soalan yang nombor dua, tambahan yang nombor dua ialah: adakah peristiwa ini menjejaskan pelaburan asing ke negeri kita dan seterusnya akan menyebabkan peluang kerja anak Selangor ini kurang. Dan lagi satu ialah adakah ini merupakan satu juga rekod Kerajaan Negeri Selangor untuk memerintah Negeri Selangor sejak 2008 ini. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Sg. Pelek, saya ingat lagi sekali ungkapan yang saudara buat itu saudara kena tengok cermin muka kumpulan saudara sendiri. Siapa yang terlibat dan usaha ni, usaha yang saya lakukan ini bukan satu perkara yang baharu. Usaha yang saya lakukan itu untuk menyelesaikan masalah yang lepas bukan masalah yang baharu dan oleh sebab itu kita selesaikan. Kita bukan sorokkan, kita bukakan dan kita sudah jelaskan hingga pelabur-pelabur asing mendapati cara keterbukaan dan ketelusan itu yang menarik mereka untuk datang bersama kita. Jadi soalan-soalan itu saudara bangkitkan, itu agak merugikan masa saya. Daripada segi pembangunan, usaha untuk membuat pembangunan negeri ini mesti dilakukan bersama. Sebab itulah apabila kita berusaha mengambil rakyat bekerja kita tidak kira daripada parti mana, daripada kumpulan mana daripada kampung mana, kita tidak kira, sebab kita mahu semua rakyat Selangor meningkatkan pendapatan. Jadi saya harap rakan-rakan saudara dan saya belajar daripada hari ini dan saya harap saudara juga mesti mengemaskinikan pergerakan parti saudara supaya kita sama-sama dapat membangunkan negara Malaysia.

PUAN SPEAKER: Sekinchan, silakan

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan. Y.A.B Tan Sri, sebentar tadi saya keliru sedikit dengan jawapan Y.A.B yang menunjukan insiden kepala lembu ini adalah dilakukan bukan oleh "mereka-mereka", "mereka-mereka" ini saya tidak begitu jelas. Saya minta penjelasan siapa itu "mereka-mereka" secara terperinci, satu! Yang keduanya, saya nak minta pandangan Y.A.B, setujukah Y.A.B bahawa parti perkauman seperti UMNO ini wajib dibubarkan kerana ia perkauman. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Pertama, mereka yang melakukan perkara-perkara yang tidak dianggap melanggar undang-undang sudah dikemukakan ke mahkamah. Jadi oleh sebab itu kita tidak perlu membahaskan perkara tersebut. Namun, daripada data mereka itu kebanyakan terdiri daripada ahli-ahli UMNO. Tapi itu bukan bererti melambangkan parti tetapi ia bergerak sebagai individu. Dan ini hendak diadili di mahkamah. Sebab itu perkara itu perlu kita beri ruang untuk mereka menyatakan pendirian mereka di mahkamah dan dengan sebab itu kita tak perlu.

Kedua, saya fikir rakan saya daripada Sekinchan, jadi kita tidak perlu aa...menyusahkan mereka. Mereka sentiasa dalam keadaan itu dan kita tunjukkan bahawa kekuatan kita adalah satu kekuatan parti yang merangkumi semua manusia dan kita berganding dan tak payah kita bubarkan.....bukan...bukan kehendak kita...kehendaknya...Jadi kita tak perlu bubarkan dan kita berbincang, bagaimana pembangunan Malaysia ini dapat dilakukan oleh kumpulan yang menyatakan bahawa masa hadapan Malaysia bergantung pada percantuman semua bangsa, itu yang paling penting. Kedua, dan kita perlu menunjukkan keupayaan. Jadi, Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk menunjukkan keupayaan sebagai diberi peluang untuk mentadbir negeri Selangor dan kita tadbir supaya kita dapat tunjukkan bahawa pentadbiran kita ini lebih baik, lebih cekap, lebih telus dan lebih amanah. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Kajang. Sila duduk Serdang, Sri Serdang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: WARISAN SELANGOR

7. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah dasar kerajaan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan kedai pra-Perang Dunia Ke-2 yang terdapat di kebanyakan bandar di Selangor?
 - b) Adakah kerajaan bersedia memberi insentif dalam bentuk pengurangan cukai taksiran kepada pemilik bangunan tersebut untuk mengekalkan struktur bangunan dan memelihara kesenian arkitek ?
 - c) Sila nyatakan bangunan dan tapak yang terdapat di Negeri Selangor yang diwartakan

Y. B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Puan Speaker, terima kasih kepada Kajang yang bertanyakan mengenai apakah dasar kerajaan dalam Pemeliharaan dan Pemuliharaan bangunan-bangunan kedai pra-Perang Dunia ke-2 yang terdapat di kebanyakan Bandar di Selangor. Soalan yang kedua daripada Kajang adakah Kerajaan bersedia memberi insentif dalam bentuk pengurangan cukai taksiran kepada pemilik bangunan tersebut untuk mengekalkan struktur bangunan dan memelihara kesenian arkiteknya? Dan yang ketiga Sila nyatakan bangunan dan tapak yang terdapat di Negeri Selangor yang diwartakan. Puan Speaker, untuk menjawab soalan ini sebenarnya hal-hal mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan artifak-artifak bangunan-bangunan pra-Perang Dunia ke-2 ini terdapat dalam dua Akta Kerajaan Persekutuan iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan satu lagi ialah Akta 645 Akta Warisan Kebangsaan 2005. dan kedua-dua Akta ini telah pun berjalan dan sebagaimana yang Kajang tahu bahawa Akta ini adalah Akta *Federal Government* Kerajaan Persekutuan dan kita di negeri ini oleh kerana tapak-tapak dan juga bangunan-bangunannya yang termasuk dalam warisan tersebut agak banyak di dalam Negeri Selangor ini. Jumlahnya ada 42...ya...42 kesemuanya yang saya tidak akan menyebutkan satu persatu mungkin saya akan aa...berikan salinan jawapan ini kepada Kajang nanti untuk meneliti lebih lanjut detail-detail tersebut. Jadi...oleh kerana bangunan-bangunan itu di Negeri Selangor jadi kita Kerajaan Negeri pun bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjaga warisan tersebut. Warisan adalah merupakan satu perkara yang sangat penting sebab itu kita telah pun menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor untuk bersama-sama dengan Kerajaan Pusat untuk menentukan semua bangunan-bangunan itu dipelihara dan dipulihara, 2 perkataan yang berbeza. Kajang pun mengetahui satu pelihara, pelihara ni *maintain*, pulihara ni membaik pulih begitu. Jadi kedua-duanya akan dilakukan. Dan melalui PBT-PBT teman-teman kita, YDP-YDP, Datuk Bandar dan sebagainya telah pun pada masa yang lalu memberikan kerjasama yang begitu baik untuk menentukan bahawa bangunan-bangunan yang telah diwartakan itu dijaga dengan sebaik-baiknya untuk generasi yang akan datang, supaya generasi yang akan datang faham bangunan-bangunan pra-Perang Dunia Ke-2 itu bila kita lihat dipelihara dengan begitu baik sudah tentulah generasi anak-anak sekolah, pelajar-pelajar Universiti dan sebagainya dapat melihat bagaimana kehebatan warisan yang

ditinggalkan kepada mereka yang saya juga mengatakan bahawa ini adalah merupakan satu identiti kepada Negeri Selangor ini. Dalam pengucapan saya dalam penggal-penggal yang lalu Kajang, saya menyebutkan kita perlu mencari satu identiti dan identiti ini ialah generasi ke generasi dan sebab itu pemeliharaan bangunan sebagaimana yang dicadangkan oleh Kajang itu adalah merupakan satu langkah yang baik di mana kedai-kedai pun mungkin oleh kerana umurnya dan sebagai oleh kerana uniknya *architecture* nya dan sebagainya dan beberapa perkara yang lain yang ada kaitan langsung dengan warisan tersebut bolehlah dipelihara dan dipulihara dan kerajaan Negeri Sentiasa memberikan sokongan yang kuat untuk melakukan usaha-usaha tersebut. Oleh kerana soalan ini...aaaa....Puan Speaker ya....saya lihat jawapannya agak teknikal dan panjang begitu saya tidak akan membacanya Bahkan saya akan sebagaimana yang saya sebutkan tadi saya akan mengambil ikhtisarnya ataupun *summary* daripada jawapan ini. Tetapi yang soalan tadi menanyakan tentang dasar, jika satu tapak ditetapkan sebagai satu tapak warisan, Kajang ya...tapak itu hendaklah pada tarikh penetapan itu menjadi kawasan pemuliharaan dan hendaklah dipulihara dan dipelihara, dipulihara dan dipelihara mengikut pelan pengurusan pemeliharaan. Yang kedua satu kawasan yang pemeliharaannya boleh memasukkan zon penampakan di sekeliling satu kawasan utama pusat utama b) memasukkan zon penampakan di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan. Kalau kita tengok Akta 645 Akta Warisan Kebangsaan 2005 pulak ya, Pesuruhjaya iaitu Pesuruhjaya yang telah dilantik hendaklah selepas berunding dengan majlis menyediakan satu pelan pengurusan, Pelan Pengurusan pemuliharaan bagi maksud menggalakkan pemuliharaan, pemeliharaan, pemulihan dan pembaikpulihan atau pembinaan semula sesuatu tapak warisan. Kemudian itu, di samping itu juga mengambil langkah-langkah memperelok persekitaran hidup dari segi fizikal, perhubungan kesejahteraan, struktur ekonomi, pengurusan lalu lintas dan penggalakan pertumbuhan ekonomi. Dan c) menggalakkan skim bagi pendidikan. Sebab itu kita menggalakkan rakyat negeri Selangor khususnya pelajar-pelajar kita yang ramai di QUIZ yang ramai di UNISEL dan terbuka kepada universiti-universiti yang lain tempatan dan antarabangsa. Untuk mengkaji misalnya istana-istana lama yang di Jugra dan sebagainya yang kita lihat mempunyai keunikan tersendiri setanding dengan apa yang kita lihat di England, apa yang kita lihat di Jerman dan sebagainya. Kemudian Pesuruhjaya hendaklah dari semasa ke semasa mengkaji di mana-mana pelan Pengurusan pemuliharaan, pelan pengurusan pemeliharaan maknanya bukan hanya buat secara *help desk* macam itu dengan izin tetapi ada pelan-pelan yang tertentu oleh kerana bangunan ini adalah bangunan warisan sudah tentulah akan....akan...akan...akan....akan .diadakan pelannya macam mana bentuk asalnya, kalau perlu misalnya diganti-ganti yang macam mana, kayu yang macam mana *architecture* yang macam mana seni yang macam mana, semuanya diambil kira kerana dia merupakan aa...tinggalan-tinggalan warisan dan aa...saya tidak nak pergi yang detail itu saya nak jawab soalan yang ...aaa...soalan b) sekarang ni. Soalan b) ialah insentif dalam bentuk pengurangan cukai taksiran kepada pemilik bangunan tersebut untuk mengekalkan struktur bangunan dan memelihara kesenian arkiteknya? Jadi dalam hal ini berdasarkan Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 Kajang ya...Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pemberian insentif dalam bentuk pengurangan cukai taksiran sebahagian atau keseluruhan pegangan kepada pemilik pegangan sekiranya pegangannya digunakan semata-mata sebagai tempat ibadat, sekolah awam, tempat awam bagi tujuan kebajikan Sains, Sastera atau Seni Halus sosial dan rekreasi serta tidak bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Kemudian tentang soalan sambungan daripada itu Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan daripada Kajang supaya kita terus memberikan bantuan sebagaimana yang disebutkan tadi mengekalkan pengurangan cukai tafsiran dan sebagainya. Kerajaan Negeri akan mengkaji perkara tersebut dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum insentif tersebut dapat diberikan. Yang c, jawapan seperti lampiran, saya ada lampirannya agak panjang, ni Kajang ya, saya ingat saya akan berikan butiran-butiran ini, salinannya kepada Kajang sebaik-baik sahaja hari ini kita berakhir. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan Tambahan, Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Silakan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan saya, kita dapati zon kita di Negeri Selangor ni kita ada memang kaya dengan zon-zon ataupun kawasan-kawasan yang mempunyai warisan sejarah dan alam sekitar. Contohnya, seperti di Kuala Selangor dan Bukit Melawati dan juga Taman Alam yang penuh dengan hutan bakau dan juga Jugra. Jugra dan juga Pekan Klang. Semua ni merupakan kawasan-kawasan berwarisan. Jadi apakah ya, rancangan. Adakah rancangan negeri untuk mewartakan kawasan-kawasan ini sebagai kawasan warisan bagi Selangor seperti yang kita nampak di Pulau Pinang, mereka wujudkan satu yang dipanggil *heritage trust* di mana mereka memang khusus memberi bantuan dan juga dalam pemeliharaan, pemuliharaan bangunan-bangunan dan tapak-tapak yang berwarisan ini. Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih, Kajang. Puan Speaker, ialah cadangan daripada Yang Berhormat Kajang supaya kita mungkin tadi menambah sama ada kawasan, tapak atau bangunan-bangunan daripada yang sedia ada, yang sedia ada kita ada 42 termasuklah dalamnya nanti bangunan-bangunan Kerajaan, pusat-pusat perkhidmatan, institusi pendidikan, stesen kereta api, rumah ibadat, gereja, tokong dan sebagainya yang telah pun diwartakan. Ada pun pewartaan yang berikutnya ini, ini berdasarkan kepada negeri nanti mencadangkan ya kepada Pihak Kerajaan Pusat selain daripada 42 itu, mungkin atas beberapa kriteria yang telah ditetapkan kalau kawasan, tapak ataupun bangunan-bangunan itu memenuhi kriteria-kriteria tersebut, saya fikir Kerajaan Negeri tidak ada masalah melalui PBT-PBT, teman-teman kita untuk mencadangkan kepada kita tambahan-tambahan bangunan-bangunan tersebut mungkin kedai-kedai yang berada di Kajang Yang Berhormat Kajang menyebutkan itu pun boleh disenaraikan. Itu bergantunglah kepada sama ada kedai-kedai tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan itu, terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Puan Speaker, Soalan No. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG. SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR (UNISEL)

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
 - a) Sila senaraikan jumlah bilangan pelajar tempatan UNISEL Negeri Selangor bagi tahun 2009 mengikut pecahan kaum ?
 - b) Sila senaraikan jumlah pelajar asing yang menuntut di UNISEL Negeri Selangor bagi tahun 2009 mengikut negara asal masing-masing ?
 - c) Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan negeri dalam usaha menjadikan Negeri Selangor sebagai Hub Ilmuwan?

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Puan Speaker, Assalamualaikum *warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera kepada Yang Berhormat Sekinchan. Jumlah pelajar tempatan UNISEL pada tahun 2009 adalah seramai 10,537 orang dan pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Melayu	-	7, 044 orang seramai 66.9%
Bumiputera	-	1,293 orang iaitu 12.3%
Cina	-	192 orang iaitu 1.8%
India	-	1,845 orang atau 17.5%
Lain-lain	-	163 orang iaitu 1.5%

Pelajar asing yang menuntut di UNISEL pada tahun 2009 mengikut Negara asal masing-masing pula:-

Algeria	-	1
Arab Saudi	-	6
Bangladesh	-	1
Brunei	-	1
Chad	-	1
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	-	2
Eriterea	-	7
India	-	3
Indonesia	-	5
Iraq	-	2
Jordan	-	1
Kenya	-	2
Lebanon	-	1
Nigeria	-	7
Pakistan	-	3
Palestin	-	3
Singapura	-	2
Somalia	-	23
Sudan	-	110
Vietnam	-	12
Yemen	-	26

Tentang Negeri Selangor, hasrat Negeri Selangor untuk menjadikan Hub Ilmuwan semua program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Pendidikan Tinggi serta pembangunan modal insan adalah ke arah Selangor untuk menjadikan Selangor menjadi hub ilmuwan dan hub pendidikan. Bermula pada tahun 2008, kos yang diperuntukkan untuk pendidikan dan pendidikan tinggi adalah sebanyak RM700,000. Di mana RM100 telah diperuntukkan untuk pendidikan dan pendidikan tinggi daripada STANCO sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan di bawah bajet pembangunan bagi program jejak ilmuwan dan tujuan program jejak ilmuwan ini adalah di antaranya bagaimana ia boleh menjadikan Selangor ini hub ilmuwan ialah di antaranya ialah untuk mengenal pasti ilmuwan-ilmuwan yang sudah pun berada bertaburan di Selangor ini tetapi selama ini seolah-olah seperti mutiara yang terpendam yang tidak digilap dan tidak diketahui pun kewujudan mereka. Bahkan mereka-mereka ini seolah-olah mempunyai *infority complex* kerana pimpinan-pimpinan masyarakat, pimpinan tertinggi negeri, kerajaan selama ini seolah-olah mengetepikan mereka. Jadi Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor mengambilkan satu pendekatan, di mana mereka sebagai mutiara ilmu, mereka adalah di antara orang yang sepatutnya terpenting untuk menjadikan Selangor ini

hub ilmuwan, maka kita mahu mengetengahkan mereka, mempersadakan mereka dan mengiconkan ilmuwan-ilmuwan ini. Untuk khusus bagi *pull* (dengan izin), modal-modal insan yang berada di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi mana program mencungkil bakat, memperhebatkan daya tahan, daya juang, daya maju, daya saing dan daya bantu di kalangan *pull* modal-modal insan ini seperti yang telah diterapkan dalam konsep *SPEIS* sebagai model rasmi Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor dalam pembangunan modal insan maka inilah yang kita mahu akan menjadikan pemacu kepada budaya ilmu yang kita mahu lahirkan di Selangor ini dan bagi tahun 2009, kos yang diperuntukkan untuk pendidikan adalah sebanyak RM5 juta, bagi pendidikan tinggi sebanyak RM2.2 juta pada pertengahan 2009 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM16 juta khusus untuk bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Bagi tuisyen rakyat yang telah diperuntukkan sebanyak RM3.45 juta di mana kita mahu meningkatkan keupayaan dan daya saing akademik pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1,500.00 seorang dan kita mahu melonjakkan sebanyak 10% hingga 15% bilangan pelajar yang berpotensi mendapat lebih banyak A dalam peperiksaan SPM 2009 ini. Latihan khas integrasi ICT dalam pendidikan untuk guru-guru sekolah di bawah Kerajaan Negeri Selangor juga adalah satu tahap di mana kita mahu guru-guru kita ini mempunyai tahap literasi komputer yang lebih tinggi supaya ianya sesuai menjadi di bawah sebuah negeri yang mahu digelar negeri yang maju maka mereka ini sepatutnya sudah mempunyai tahap literasi yang tinggi namun kalau kita mengkaji keadaan yang sekarang ini, ramai lagi guru-guru masih tidak mengerti, tidak tahu selok-belok tentang komputer, *bacis knowledge and computer* (dengan izin) ini kita telah memperuntukkan sebanyak RM450,000.00 dan insya-Allah untuk tahun 2009 ini pada bulan dua belas ini kita memperuntukkan RM100,000.00 untuk memberikan perbelanjaan jom balik ke sekolah untuk pelajar-pelajar yang daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan juga daripada memperkasakan sekolah-sekolah negeri tadi, kita seperti yang saya sebutkan tadi dalam untuk sepanjang tahun ini kita telah memperuntukkan RM16 juta. Untuk pendidikan tinggi, di mana, di antara usaha-usaha untuk kita menjadikan Selangor ini menjadikan hub ilmuwan di mana kita bermaksud menjadikan Selangor pusat tumpuan kepada ilmuwan-ilmuwan yang berada, sama ada di dalam Selangor, di dalam negara mahu pun di luar sana maknanya di antara salah satu daripada yang kita telah rancang ialah penganjuran Persidangan Antarabangsa *Islamic World Academic of sciences*, 14 hingga 17 Disember 2009 dan kita telah mengarahkan UNISEL menjadi urus setia. Ini di antara cara kita untuk mempertingkatkan keupayaan pihak pengurusan UNISEL, pensyarah-pensyarah dan ilmuwan-ilmuwan yang berada di UNISEL supaya mereka ini mampu mengadakan satu persidangan yang begitu besar kerana yang akan datang adalah saintis-saintis terkemuka daripada negara-negara OIC dan jemputan-jemputan termasuklah lobolariate daripada Bangladesh, insya-Allah dan seorang bilionair. Ini telah kita peruntukkan RM300,000.00 untuk membantu UNISEL bukan itu tidak mampu untuk menampung kesemua kos tetapi itu adalah satu bantuan untuk membantu mereka memulakannya. Yang kedua, ialah menganjurkan persidangan 7th. *International Conference On Muslim Education* antara kerjasama di antara Kerajaan Negeri Selangor, *Islamic Academic Cambridge, University Cambridge UK* dan kita telah meminta Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk menjadi urus setia dan kita telah memperuntukkan RM200,000.00 untuk program ini yang akan berlangsung 21 hingga 23 Disember 2009. Ini juga salah satu cara kita meletakkan IPT Selangor dalam rangkaian universiti terkemuka dalam bidang pendidikan Islam dan mudah-mudahan dengan kita membukakan ruang-ruang supaya cerdik pandai dalam pendidikan Islam ini akan sedikit sebanyak menyelesaikan kemelut masalah kefahaman tentang Islam yang seolah-olah sekarang ini kita menjadi tumpuan isu-isu yang remeh temeh dan program mengujudkan dana *endowment* atau *endowment funds* bagi membiayai kursus *profesor ship* dan membiayai makmal dan kemudahan *research* dalam *topic* yang berkaitan yang akan membantu negeri Selangor untuk lebih ke depan seperti *green* teknologi dan bio teknologi, jadi untuk setiap

universiti yang kita berada di bawah Kerajaan Negeri Selangor RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk e-kuiz dan RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk UNISEL. Jadi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor juga merupakan di antara agensi utama untuk menjadikan Selangor sebagai hub ilmuwan dan hub pendidikan dan sebanyak RM70 juta telah diperuntukkan untuk menanggung kos pembinaan perpustakaan baru di Shah Alam yang dijangka siap pada bulan Oktober 2010 tetapi kos ini tidak termasuk kos pembangunan koleksi iaitu buku dan kos operasi. Kapasiti PPS adalah sebanyak 550,000 naskhah buku boleh dimuatkan berbanding hanya 180,000 naskhah buku dapat dimuatkan dalam perpustakaan yang ada sekarang ini dan kita mengharapkan dengan adanya kita mengujudkan satu tindakan, satu perancangan di mana kita merencanakan atau menambahbaikkan infrastruktur dan premis-premis pendidikan dan pembelajaran di Selangor dan juga perancangan untuk membangunkan insan di Selangor, pelajarnya, modal insannya dan juga pengisian-pengisian, apakah pengisian-pengisian yang kita mahu supaya benar-benar Selangor ini menjadi hub ilmuwan dan hub pendidikan, insya-Allah kita mahu memastikan ketiga-tiga perkara yang penting itu untuk mencapai matlamat ini maka insya-Allah kita akan meminta, kita merancang untuk memanggil semua pihak yang berkenaan untuk memastikan jalan raya, prasarana yang ada di dalam Selangor ini, keselamatan sekolah-sekolah, premis-premis institusi pendidikan dan segala yang berkenaan dengan pendidikan ini akan menjadikan satu suasana di mana kita, insya-Allah boleh menjadikan Selangor ini satu tempat yang boleh membudayakan ilmu, mudah untuk dikunjungi dan juga kita mahu insya-Allah institusi-institusi pengajian tinggi kita juga adalah mempunyai daya tarikan daripada dalam negeri sendiri, dalam Malaysia itu sendiri dan juga daripada luar negara.

Dan kita mempunyai satu perancangan yang telah kita lakukan ialah di antara untuk menjadikan hub ilmuwan ini kita telah berjaya mewujudkan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor di mana pembudayaan ilmu ini pembudayaan cinta kepada ilmu ini kita mahu mulakan daripada pihak pra sekolah lagi. Kemudian kita juga telah berjaya mewujudkan Majlis Permuafakatan PIBG, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor dan Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Selangor yang Insya-Allah akan bergabung untuk menyokong impian ini dan bekerjasama sama ada daripada pihak pimpinan mahu kepada seluruh golongan-golongan pendidik di semua peringkat dan juga NGO-NGO supaya mereka boleh bergabung untuk menyambut seruan kerajaan untuk sama bangkit melahirkan budaya ilmu supaya menjadikan Selangor ini hab ilmuwan hab pendidikan Insya-Allah.

Soalan tambahan, soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Meru

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker Soalan ke 9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: RUMAH UNTUK RAKYAT

9. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Bagaimanakah perkembangan manifesto untuk membantu setiap rakyat Selangor mendapatkan kediaman sendiri terutamanya penduduk miskin dan yang tinggal di kawasan setingan?

- b) Bagaimanakah langkah Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar 'bina dahulu dan jual' bagi melindungi rakyat daripada dianiaya oleh pemaju tidak bertanggungjawab?
- c) Apakah dasar baru yang diperkenalkan Kerajaan Negeri dalam soal perumahan yang menjamin kestabilan sosial dan mengikut kehendak Islam?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Assalamualaikum WBT*, Salam Sejahtera. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menjawab kepada soalan nombor 9, kita tahu bahawa dari segi perumahan kerajaan negeri tidak membina rumah secara langsung, kerajaan negeri hanya menetapkan polisi yang memastikan rumah yang dibina oleh para pemaju adalah mencukupi untuk semua kelompok atau golongan masyarakat dan kita tahu bahawa kita mempunyai polisi yang mewajibkan pemaju-pemaju yang membina 20 peratus rumah kos rendah dan 20 peratus atau 10 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana. Tetapi masalahnya sekarang ini apabila kita berhadapan dengan penduduk miskin atau yang tinggal di kawasan-kawasan ataupun peneroka-peneroka bandar adalah keupayaan mereka untuk mendapatkan apa yang dipanggil sebagai pinjaman perumahan dan kerajaan negeri alhamdulillah telah mendapat persetujuan dengan beberapa bank di dalam satu kes di mana kita telah berjaya, bank itu kita telah mendapatkan pinjaman bagi mereka-mereka yang sebelum ini tidak dapat mendapat pinjaman bank terutamanya mereka yang bekerja sendiri seperti penjaja, peniaga pasar malam dan peniaga-peniaga lain. Mereka-mereka ini tidak ada slip gaji. Dan ini merupakan satu perkara yang telah kita lakukan di mana kerajaan negeri telah menjadi penjamin dan perkara ini telah dilakukan dan projek perintisnya adalah bagi bekas penduduk dan peneroka bandar penduduk Kampung Rimba Jaya yang sekarang ini menetap di PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam. Jadi bermakna skim ini yang diusahakan oleh pentadbiran kerajaan negeri sekarang akan kita lebarkan dan kita akan luaskan di kawasan-kawasan lain seperti di kawasan Selayang, di mana ramai para peneroka bandar yang telah menandatangani S & P dengan ini tetapi tidak dapat pinjaman daripada bank oleh kerana sebab-sebab teknikal dengan polisi baru di mana kerajaan negeri dalam kes ini menjadi penjamin mereka boleh mendapat pinjaman tersebut.

Dan seterusnya masalah ataupun untuk menyelesaikan masalah peneroka bandar kalau dulu kita hanya ataupun kerajaan negeri hanya mengusahakan di mana penduduk mendapat rumah kos rendah sahaja, tetapi sekarang ini di dalam beberapa kes di mana kita telah mengusahakan bahawa penduduk mendapat lebih daripada rumah kos rendah iaitu di mana kita mengusahakan supaya pemaju menawarkan kepada penduduk untuk membeli rumah yang mereka bina mungkin rumah yang lebih selesa seperti rumah kos sederhana rendah atau rumah kos sederhana di bawah harga pasaran. Ada kes di mana kita mahu pemaju menjual rumah yang berharga RM 150,000 kepada peneroka di bawah harga RM 90,000 inilah satu cara di mana kita hendak memastikan bahawa penduduk dapat rumah yang lebih selesa.

Selain daripada itu, kita juga memastikan bahawa pemberian rumah kos rendah ini dikawal sebab kita melihat bahawa telah berlaku beberapa penyelewengan seperti mana di Kampung Berembang di mana kita lihat bahawa ada yang diberikan kepada mereka-mereka yang tidak layak yang tidak daripada yang tinggal di tapak. Jadi sekarang ini pengagihan itu kita tidak buat di peringkat daerah tetapi benda ini akan diluluskan di peringkat Shah Alam ataupun di peringkat Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Seperti mana yang saya memberitahu pada sidang yang lepas, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan sedang mengadakan bancian ke atas kesemua peneroka-peneroka yang tinggal di tanah-tanah kerajaan dan tanah-tanah awam dan kita melihat bahawa bancian ini akan berakhir pada bulan Disember dan kita menjanjikan bahawa

yang layak akan ditawarkan untuk membeli rumah kos rendah selewat-lewatnya pada bulan Jun 2010 selepas kita menghabiskan kita punya banciaan ada proses-proses yang kita perlu lalui kita perlu berbincang ataupun mendapat kelulusan dengan ADUN-ADUN ataupun Ahli-ahli Majlis dan pada bulan Jun 2010 kita akan mendapatkan tarikh ataupun senarai yang muktamad dan senarai mereka ini akan ditawarkan rumah kos rendah dan satu perkara baru yang kita buat adalah kita nak mengelakkan nak membantu hanya orang yang betul-betul layak apa yang kita buat adalah mereka yang akan ditawarkan di rumah kos rendah di suatu kampung atau di suatu penempatan itu akan ditampal nama-nama mereka di tempat umum sama ada di masjid k, di dewan ke, di kuil ke ataupun balai raya supaya kita nak berlaku ketelusan, jadi kita tak mahu orang yang tak sepatutnya dapat, dapat rumah yang ada.

Selain daripada itu, kita juga telah memperkenalkan konsep rumah mampu milik, di mana PKNS Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor bersama dengan tiga syarikat swasta telah bersetuju untuk '*Pilot Project*' atau Projek Perintis dengan izin iaitu membina rumah mampu milik yang berkeluasan 800 kaki persegi dengan harga rumah kos sederhana rendah. Kalau rumah kos sederhana rendah RM 72 ribu 750 kaki persegi dan rumah kos rendah adalah 650 kaki persegi dengan harga RM 42 ribu atau RM 35 ribu bagi bekas peneroka bandar. Kita telah mendapat persetujuan kita telah berbincang dengan PKNS telah bersetuju dan tiga syarikat telah bersetuju untuk kita memperkenalkan konsep rumah mampu milik yang baru ini.

Seperkara lagi adalah bahawa kita tahu bahawa kerajaan pusat telah berhasrat untuk menjual projek perumahan rakyat atau PPR mereka di Wilayah Persekutuan kepada pemilik-pemilik tetapi kita lihat bahawa perkara ini kita dah lama bincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada akhir tahun 2008, kita telah mendapat permohonan daripada penduduk PPR untuk membeli rumah-rumah tersebut dan kita telah mendapat kita telah berbincang dengan pihak Kementerian Kerajaan Pusat dan pada awal tahun ini Januari 2009 mereka telah memberi persetujuan bahawa kita boleh menjual PPR yang sekarang ini ada di Lembah Subang yang ada di Kampung Baru Hicom dan juga yang ada di Kota Damansara dan juga di Serendah. Kita dah dapat persetujuan daripada KPKT Kementerian untuk kita jual kepada pemilik-pemilik yang memohon untuk membeli tetapi sehingga selepas itu kita tidak mendapat maklum balas tentang mekanisme macam mana kita nak jual tetapi baru kita tahu sekarang ini bahawa kenapa dia tak realis mekanisme memberi kita mekanisme tersebut oleh kerana mereka nak buat pengumuman dulu baru mereka nak jual. Jadi sebenarnya kita yang minta supaya penduduk yang minta supaya mereka dapat membeli tapi mekanismenya tidak diberikan kepada kita sehingga hari ini. Mungkin ialah saya melihat bahawa mereka nak buat pengumuman dulu dan tak apalah kalau nak jual, juallah tapi kita lihat bahawa di peringkat kerajaan negeri yang itu adalah kita dapat banyak permintaan untuk membeli rumah-rumah tersebut.

Untuk soalan kedua ataupun soalan kedua adalah tentang projek bina kemudian jual ataupun BKJ. Memang betul konsep bina kemudian jual atau BKJ ini telah diumumkan sebagai satu insentif kerajaan persekutuan untuk menambah baik cadangan pemajuan serta penyelenggaraan dan pengurusan hartanah di seluruh negara pada 13 April 2007. Ini telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan dan di antara empat perkara bagi syarikat-syarikat pemaju yang melaksanakan BKJ ini dia punya insentif adalah:

1. Mengecualikan syarat pembayaran deposit RM 200 ribu bagi lesen pemajuan perumahan.

2. Keutamaan '*fast lane*' bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan seperti tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan pelan susun atur, pelan bangunan dan kelulusan daripada jabatan-jabatan teknikal.
3. Pemaju boleh menggantikan syarat pembinaan rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana. Dan
4. Pelepasan duti setem

Kebanyakan daripada insentif-insentif ini adalah pada adalah kuasa kerajaan persekutuan. Walau bagaimanapun, yang kita lihat bahawa sambutannya adalah kurang bagi Negeri Selangor kecuali adalah syarikat yang telah mencubanya dan ini adalah kerana mereka tidak ada kemampuan modal yang besar untuk bina dulu dan kemudian jual yang bagi pihak kerajaan negeri kita lihat yang telah melakukannya adalah anak-anak syarikat seperti PKNS dari dulu lagi telah melaksanakan bina kemudian jual.

Dan satu lagi syarikat sekarang ini yang telah melaksanakan bina kemudian jual adalah Syarikat SP Setia yang telah melaksanakan skim pakej pinjaman perumahan SP Setia 5/95 iaitu bayar 5 peratus dulu dan 95 peratus setelah rumah itu siap. Tetapi masalahnya sekarang adakah kita cukup pemaju yang mempunyai modal yang cukup untuk membina dulu dan kemudian menjualnya mendapat pulangan selepas rumah itu siap.

Dari segi kerajaan negeri insentif yang boleh diberikan oleh kerajaan negeri adalah dari segi '*fast tracking*' '*fast lane*' dari segi kelulusan pelan, kelulusan pelbagai kelulusan tukar syarat tanah ini yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri dari segi lesen dari segi pengecualian, setem, apa ini cukai, dari segi deposit pemaju, pemaju perumahan, itu adalah di bawah kerajaan pusat.

Perkara ketiga, yang ditanya oleh Yang Berhormat, apakah dasar baru yang diperkenalkan kerajaan negeri dalam soal perumahan yang menjamin kestabilan sosial dan mengikut kehendak Islam.

Saya rasa perkara ini, perkara utama yang kita lakukan ialah kita memastikan projek-projek perumahan yang dirancang dan dibina melayani semua kelompok masyarakat sama ada yang miskin ataupun yang kaya dengan adil dan kita rasa bahawa kita yakin bahawa ini dapat menyumbang kepada kestabilan sosial, kerana kedudukan rumah-rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan sederhana kita tak mahulah di letakkan di kawasan-kawasan yang tidak ada kemudahan awam atau jauh daripada pengangkutan awam. Ini adalah di antara masalah yang kita lihat terjadi ataupun tercetus di dalam pembangunan-pembangunan seperti terutamanya rumah-rumah kos rendah ini.

Apabila tidak ada kemudahan, apabila ada satu pembangunan bahawa pembangunan ini yang rumah kos rendah dicampakkan di hujung-hujung yang tidak ada kemudahan. Jadi kerajaan negeri telah mengambil ketetapan dan kita telah kita mengkaji secara terperinci projek ataupun cadangan projek-projek perumahan sebelum mendapat kebenaran merancang. Kita memastikanlah bahawa setiap kelompok masyarakat ini dilayan secara adil dan saya rasa adil ini adalah satu daripada yang diajar oleh Islam supaya kita menzalimi, kita menzalimi rakyat apabila kita letak dia dekat tepi kolam najis, kita menzalimi rakyat kita letak dia jauh daripada sekolah, jauh daripada penempatan awam dan sebagainya. Inilah perkara yang kita lakukan kita tidak mahulah orang ataupun pemaju-pemaju melayani dua kelompok masyarakat yang kaya dan yang miskin dengan cara yang berbeza.

Seperkara lagi yang kita, kita juga melihat bahawa untuk kita merubah sesuatu pembangunan dari segi masyarakat ianya kena datang daripada masyarakat itu sendiri sebab kita lihat bahawa banyak masalah perumahan atau perbandaran adalah akibat daripada sikap penduduk itu sendiri. Jadi kerajaan negeri telah melancarkan kempen 'Pangsapuri Ku Indah Bersih dan Harmoni' untuk meningkatkan kesedaran penduduk. Kerajaan negeri mahu memastikan penduduk dididik dengan nilai-nilai murni yang dapat menghasilkan masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab.

Dan satu lagi projek untuk mencapai hasrat ini adalah kita telah melancarkan apa yang dipanggil sebagai Kelab *Interactive Community* atau CLICK. Ini adalah Kelab Remaja di rumah-rumah kos rendah di mana kita memberi fokus untuk menghasilkan kumpulan teras di kalangan para remaja yang dapat mencetuskan perubahan di dalam kawasan tersebut. Perubahan dari segi kesedaran, kebersihan, keselamatan adalah tanggungjawab mereka. Inilah perkara-perkara yang telah dilakukan, kalau ditanya sama ada ianya mengikut kehendak Islam, macam mana ia mengikut kehendak Islam, kita mengambil nilai-nilai Islam yang universal iaitu yang adil, yang tidak menzalimi orang, bersih dan sebagainya, inilah yang telah diterapkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah menunjukkan 11.47 dengan ini saya menanggung sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya. Ahli-ahli Yang Berhormat menurut kelaziman dewan, ucapan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 ataupun 2009 dibacakan pada hari pertama Mesyuarat Ketiga Persidangan Dewan, Namun itu adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Tambahan No. 2, 2009 dibacakan terlebih dahulu kerana kerajaan memerlukan kelulusan segera daripada dewan. Perkara ini telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada saya. Dipersilakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan No. 2, 2009 semua peringkat.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu pada tahun itu dibacakan kali yang pertama.

YB. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bajet 2009 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk masa tertentu bagi tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu, mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan menurut Peraturan Tetap 78, supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

YB. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Cadangan ini dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini untuk memberikan kuasa *secretary* bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2009 yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu usul berjumlah RM1,400,000 juta sudah diluluskan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang diadakan pada 20 Oktober 2008. Berdasarkan anggaran perbelanjaan sehingga Disember tahun 2009, terdapat kekurangan sebanyak RM458,445,168.00. Sehubungan itu, peruntukan tambahan sebanyak RM458,445,168.00 diperlukan bagi menampung kekurangan B29 Perbendaharaan luar jangka. Maksud B29 Perbendaharaan Negeri luar jangka tambahan sebanyak RM66,458,665.00 (42000 pemberian dalam negeri) dikehendaki bagi memberi peruntukan tambahan kepada Kumpulan wang pinjaman, kepada Badan-Badan Berkanun dan badan-badan lain. Peruntukan daripada kumpulan wang tersebut diagihkan seperti berikut:

(a) Pinjaman jangka pendek sejumlah RM50,000,000 bagi tujuan membiayai kos program air percuma sebanyak 20 meter padu (M3) yang pertama kepada pengguna-pengguna domestik yang menggunakan meter individu di negeri Selangor kepada Kumpulan Darul Ehsan Bhd. (KDEB);

(b) Pembiayaan defisit Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun dan badan-badan lain sejumlah RM16,458,696. Sebanyak RM391,986,473.00 (42000 pemberian dalam negeri) dikehendaki bagi tujuan pemberian geran kepada Perbadanan Menteri Besar (MBI) untuk pembelian hutang sebanyak kumpulan syarikat daripada kumpulan syarikat yang terdapat salah satu syarikatnya diurusniagakan di pasaran saham daripada Selangor Industrial Corporation.

Tuan Speaker, dengan penjelasan yang saya berikan tadi, saya mencadangkan Enakmen bagi menggunakan wang kumpulan yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi 2009 berjumlah RM458,445,108.00 diperuntukkan dan untuk pemberitahuan dewan bahawa sejumlah wang yang ada ini pun sudah disalurkan ke dalam wang yang diperuntukkan kepada negeri. Oleh sebab itulah peruntukan wang ini sudah ada dalam *considerate fund* dan dana yang disatukan dan tujuan kita untuk memperuntukkan wang tersebut bagi kegunaan yang saya nyatakan tadi. Dan untuk maksud ini saya meminta supaya peruntukan ini dibaca kali kedua.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, sila Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Timbalan Speaker, saya tidak ingin berucap panjang, saya telah meneliti butiran yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri. Di dalam butiran ini kita difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan pinjaman jangka pendek berjumlah RM50,000,000.00 kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk membiayai kos program air percuma sebanyak 20 meter padu yang pertama. Saya ingin juga bertanya di sini, apakah sebenarnya perkembangan terbaharu usaha-usaha daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil alih aset dan syarikat-syarikat pengurusan air di Selangor. Ini soalan saya yang pertama dan yang kedua, mengapakah kerajaan pada masa sekarang perlu memberi pinjaman jangka pendek kepada KDEB, adakah ini menunjukkan bahawa KDEB menghadapi masalah aliran wang tunai untuk membiayai program ini dan sememangnya kita menghargai ataupun menghargai hasrat daripada kerajaan untuk melancarkan program ini sebagai salah satu program yang terpenting dan paling utama dalam merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Saya ingin berpesan di sini supaya Kerajaan Negeri dapat berhati-hati dan berwaspada berhempah kerana wang ini adalah wang rakyat dan ianya patut digunakan untuk membiayai program ini supaya ianya dapat menjamin manfaat dan pulangan yang melebihi nilainya baik kepada rakyat dan Kerajaan Negeri. Rata-ratanya apa yang kita hadapi sekarang ialah program air percuma ini masih belum dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk pangsapuri kos rendah yang rata-ratanya merupakan kumpulan yang berpendapatan rendah. Program air percuma ini sewajarnya dilaksanakan dalam cara-cara yang membolehkan rakyat di golongan bawahan ini menikmatinya. Saya berpendapat tidak ada gunanya untuk kita membiayai penghuni-penghuni di banglo menikmati air percuma sebanyak 20 meter padu setiap bulan sedangkan mereka yang memerlukannya iaitu penduduk di pangsapuri kos rendah mereka lebih memerlukannya kerana pendapatan mereka amat rendah, bukan sahaja rendah daripada RM1,500.00 sebulan malahan ada yang tidak sampai empat angka pun sebenarnya pendapatan mereka.

Saya juga ingin bertanya tentang geran yang diberi kepada MBI bagi membeli Syarikat Talam Koperasi daripada Selangor Industrial Corporation, saya ingin minta kerajaan untuk mengurangkan dengan lebih terperinci tindakan ini kerana wang yang di peruntukan adalah cukup besar iaitu sebanyak RM392,000,000 dan apakah pulangan ataupun manfaat yang akan dapat dinikmati oleh Kerajaan Negeri Selangor, rakyat Negeri Selangor melalui *exercise* ini dan saya juga amat terperanjat kerana mengapakah Selangor Industrial Corporation sebagai sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) boleh *ecumenist* menumpukan tanggungan beban hutang yang begitu besar, sebanyak RM392,000,000. Saya juga ingin meminta supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menerangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang peristiwa ini. Sekan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Puan Speaker. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyertai perbahasan tentang usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Puan Speaker, Negeri Selangor mempunyai potensi yang cukup besar untuk berkembang maju jika urusan bajet itu dapat diurus dengan baik dan berinovatif tanpa tercabut daripada prinsip ketelusan dan pertanggungjawaban. Sewajarnya *learning cuff* kita pada hari ini jauh lebih baik setelah kita berada dalam kerajaan selama hampir 20 bulan yang lalu dan kerajaan mestilah mengambil pendekatan *walk the talk* iaitu apa yang kita cakap harus kita praktik bukan cakap tak serupa bikin. Saya yakin YAB Dato' Menteri Besar bukan sahaja mempunyai keupayaan untuk mengurus ekonomi dengan baik tetapi keupayaan untuk memperkenalkan cara-cara baru yang lebih inovatif dan telus bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Selangor. Ini dapat kita

sahkan dengan merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara yang telah pun dibentangkan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini dan hari ini kita mula membaca dan meneliti laporan yang dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor bagaimana keupayaan Kerajaan Pakatan Rakyat mengurus kewangan dengan cukup baik dan mantap sekali gus menjawab sindiran yang dilimpahkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang kononnya beliau amat '*concern*' tentang prestasi Negeri-negeri Pakatan Rakyat. Saya juga amat terharu apabila Timbalan Perdana Menteri begitu prihatin dengan kita. Sedangkan laporan Ketua Audit Negara dengan jelas memberikan taraf purata 4 bintang kepada Pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Salah satu perkara yang hendak saya bangkitkan pada pagi ini di mana Ketua Audit Negara mengesahkan peningkatan dalam kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri dan juga hasil Kerajaan Negeri meningkat berbanding tahun 2007. Ketua Audit Negara juga telah memperakukan bahawa Negeri Selangor mencatatkan hasil pelaburan jangka pendek meningkat sebanyak 60.6% dan Ketua Audit Negara mengakui bahawa kesan lonjakan ini adalah ekoran penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Mei 2008 yang menguruskan lebih wang tunai untuk dilaburkan dalam Simpanan Tetap dan deposit pasaran jangka pendek dengan lebih efektif dan efisien. Inilah hasil Audit yang dilakukan oleh Ketua Audit Negara maka tidak perlu saya menjawab sindiran Timbalan Perdana Menteri yang mungkin belum lagi meneliti laporan Audit yang berkenaan. Yang Berhormat Tuan Speaker, pada pagi ini kita menyaksikan satu lagi inovasi yang ditonjolkan oleh Dato' Menteri Besar dengan satu produk untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Walaupun Negeri Selangor tidak bergelut dengan bajet defisit seperti yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat selama 13 tahun berturut-turut tetapi Negeri Selangor juga perlu mencari jalan-jalan baru, mekanisme baru bagaimana mungkin kita dapat meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Pada pagi ini Dato' Menteri Besar mencadangkan supaya satu mekanisme yang lebih telus lebih bertanggungjawab untuk memastikan Anak-anak Syarikat Negeri Selangor yang menjalankan urus niaga dengan beberapa Syarikat Swasta termasuk Syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia supaya dipertanggungjawabkan agar setiap sen hasil urus niaga mereka itu dilaporkan kepada Kerajaan Negeri dan sudah pasti mekanisme ini akan dapat '*reflect*' dalam pendapatan Kerajaan Negeri dan saya percaya usaha ini akan membantu Kerajaan Negeri untuk merangka satu bajet yang lebih tepat berdasarkan pendapatan dan juga perbelanjaan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri pada setiap tahun. Sebagai contoh yang telah pun diterangkan oleh Dato' Menteri Besar sebentar tadi Syarikat Talam Corporation yang menjalankan urus niaga dengan beberapa Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor termasuk saya dimaklumkan dengan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dengan PNSB dan juga dengan UNISEL. Pelbagai urus niaga telah dijalankan namun Syarikat berkenaan terus berhutang dengan Anak-anak Syarikat milik Kerajaan Negeri. Malangnya jumlah hutang Talam Corporation kepada Kerajaan Negeri melalui urus niaga dengan Anak-anak Syarikat ini tidak pernah tercatat dalam mana-mana rekod sama ada dalam rekod pendapatan Kerajaan Negeri mahupun rekod kewangan Syarikat Talam Corporation. Kerajaan Negeri Selangor yang lalu bukan sahaja tidak berupaya mengutip hutang mereka juga mungkin tidak sedar ada orang hutang mereka dan mereka juga tidak mempunyai keupayaan untuk mengiktiraf hutang-hutang ini ataupun kita '*realize*' hutang-hutang berkenaan dan dimaksudkan dalam pendapatan Kerajaan Negeri. Sebab itulah langkah YAB Dato' Menteri Besar untuk menyusun semula hutang-hutang ini dan kita iktirafkan hutang-hutang ini supaya tercatat dalam rekod kewangan Kerajaan Negeri dan kita berikan tanggungjawab kepada MBI untuk mengutip hutang-hutang yang berkenaan. Jumlahnya bukanlah sedikit Yang Berhormat Tuan Speaker, setakat hari ini Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sejumlah RM392 juta dan ini jumlah minima yang saya dimaklumkan yang telah kenal pasti dan kita percaya kalau usul ini diteruskan dengan lebih bertanggungjawab kita akan dapat mengenal pasti lebih banyak hutang-hutang bukan sahaja Talam Corporation tetapi masih banyak Syarikat-syarikat Swasta yang menjalankan urus niaga dengan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang tidak

menunaskan janji-janji mereka dan komitmen mereka kepada Kerajaan Negeri. Pasti mekanisme ini akan dapat membantu meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan saya berharap meletakkan tanggungjawab besar ini kepada MBI untuk memastikan mereka benar-benar menjalankan amanah ini dengan bertanggungjawab supaya setiap sen yang perlu dilunaskan oleh Talam Corporation mestilah dilunaskan dalam satu tempoh yang tertentu dan mungkin dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor yang akan datang Ahli-ahli Dewan Negeri ingin mengetahui sejauh mana keupayaan MBI dalam mengutip cukai tersebut daripada Talam Corporation kerana kalau mengikut rekod Syarikat-syarikat seumpama ini amat mudah menghilangkan diri dan tidak *'honour their commitment'* kepada Kerajaan Negeri dan saya bimbang hasil yang kita harapkan ini tidak dapat dikutip. Yang keduanya Tuan Speaker, saya juga menuntut supaya Kerajaan Negeri bukan sahaja tumpu kepada Talam Corporation tetapi Kerajaan Negeri harus segera kejar dan buru Syarikat-syarikat lain yang masih lagi berhutang dengan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri supaya segera melunaskan hutang berkenaan dan bagi saya ini adalah satu tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kepada rakyat Negeri Selangor di mana kita tegas dalam soal hutang, kita mahu kutip hutang ini dan akhirnya sejumlah wang yang besar dalam fasal yang pertama ini Insya-Allah kita akan kutip sejumlah RM392 juta dan pastinya RM392 juta ini akan kita kembalikan kepada rakyat Negeri Selangor yang akan memberikan manfaat yang cukup besar kepada rakyat Negeri Selangor. Jadi saya berdiri di sini Tuan Speaker untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar dengan harapan MBI di berikan tanggungjawab yang cukup besar amanah yang perlu di galah bagi memastikan setiap sen dikutip dan akan memberikan manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Terima kasih Tuan Speaker.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Subang Jaya.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Subang Jaya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri mengutip hutang yang sepatutnya dibayar oleh pihak Talam. Hasil Negeri akan meningkat dan memanfaatkan rakyat. Saya kurang faham mengapakah Kerajaan Barisan Nasional dahulu tidak menghiraukan kutipan hutang yang begitu banyak. Dua kini boleh mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan boleh merangsang ekonomi negeri. Ini baru satu contoh Syarikat yang mempunyai hutang kepada Kerajaan Negeri. Berapa lagi JV yang merugikan negeri di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Barisan Nasional dahulu. Kalau nak bersihkan semua projek yang merugikan sebelum ini bertahun-tahun pun tak boleh habis. Tuan Speaker, Anak-anak Syarikat Negeri seharusnya memperkasakan calon mereka membuat usaha sama *'joint-venture'* dengan izin bersama pemaju-pemaju persendirian atau pun pihak Syarikat yang lain. Tanah-tanah Kerajaan diberi begitu sahaja kepada pihak luar tanpa sebagai tindakan diambil apabila pihak luar tidak menunaikan janji kontrak mereka kepada negeri. Persoalannya sekarang walaupun ini satu usaha yang baik untuk mengutip hutang Kerajaan Negeri harus memastikan bahawa:-

- 1) Tanah-tanah kepunyaan Talam yang diberi mesti bebas daripada gadaian ataupun pajakkan kepada pihak ketiga.
- 2) Apakah keupayaan sebenar Talam untuk membayar balik RM391 juta ini dan bilakah ini boleh ditunaikan?
- 3) Kerajaan Negeri juga harus mengenal pasti liabiliti kewangan Talam ini kerana boleh menimbulkan kerugian kepada Negeri.

- 4) Sekiranya Talam tidak menunaikan janji untuk membayar hutang saya cadangkan MBI haruslah memastikan sebarang projek Talam dipantau dan jika perlu dibekukan sehingga pembayaran disambung.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar atas usaha dan kebijaksanaan beliau dalam mengaturkan proses pengutipan ini. Sesungguhnya RM391 juta bukan satu jumlah yang kecil dan saya telah membuat pengiraan sekiranya hutang ini berjaya dikutip dan disalurkan untuk membantu penduduk umpamanya Skim Mesra Usia Emas RM391 juta boleh membantu memberi faedah RM2,500 kepada lebih kurang 156,400 warga usia emas di Selangor dan satu lagi contoh RM 391 juta ini juga boleh digunakan untuk memperuntukkan semua 56 ADUN RM500,000 setahun selama 13 tahun berturut-turut. Begitu besar nilainya dan MBI harus rajin memantau skim pembayaran balik hutang Talam supaya rakyat Selangor boleh menikmati hasil pembayaran hutang ini. Dengan ini saya menyokong pemberian geran kepada Perbadanan Menteri Besar Selangor MBI bagi pembelian hutang Syarikat Talam daripada Selangor Industrial Corporation dengan syarat pemantauan ketat ke atas Talam dan skim pembayarannya dan satu kajian teliti dijalankan atas liabiliti kewangan terhadap Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Speaker, Sekinchan, ingin turut dalam membahaskan tambahan 2009 ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas kebijaksanaan dan kepakaran beliau kerana telah berjaya menyusun semula MBI hutang-hutang yang di tangguh dan berjaya menyusun dan mengutip hutang sebanyak RM392 juta daripada MBI Syarikat-syarikat yang berhutang dengan MBI dan pada masa yang sama saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Subang di mana sebelum ini banyak Syarikat-syarikat yang bekerjasama dengan Syarikat-syarikat MBI Negeri Selangor seperti PNSB dan sebagainya telah dan mengalami kerugian, dan kerugian jawapannya tetap kerugian juga dan akhirnya bukan sahaja kerugian apabila sesuatu usaha sama projek tersebut mengalami kerugian akhirnya tanah juga akan digadai kepada Bank-bank atau pihak yang ketiga dan projek tersebut akan terbengkalai dan akhirnya Syarikat MBI yang menanggung kerugian seperti ini dan banyak contoh telah dibangkitkan dan antara contoh yang pernah saya bangkit adalah seperti di projek penswastaaan di Shah Alam di Seksyen 20, kuarters MBSA di mana tanah juga digadai akhirnya projek itu terbengkalai dan pihak Kerajaan mengalami kerugian, banyak lagi.

Berdasarkan contoh-contoh kerugian yang dibuat, dilakukan oleh kerajaan sebelum ini oleh Yang Berhormat Mantan Menteri Besar iaitu Yang Berhormat Sg. Panjang yang tidak hadir pada hari ini atas kerana hukuman buangan yang kita lakukan kerana beliau tidak menghormati SELCAT Dan saya juga kenal pasti kenapa keadaan ini berlaku kenapa selalu ada kelulusan projek-projek usaha sama tetapi akhirnya mengalami kerugian sebab kepimpinan yang lalu sering menjaga kroni mereka tidak mengamalkan konsep ketelusan kebertanggungjawaban dan keupayaan. Mereka menjaga kepentingan kroni khususnya kepada satu syarikat yang kita umumnya cukup kenal, syarikat ini tidak lain tidak bukan Syarikat Talam Corporation Sdn. Bhd. Di mana ketuanya adalah Dato' Tan Ah Chai. Saya baca daripada jawapan-jawapan daripada soalan-soalan dewan yang saya bangkitkan pada penggal sebelum ini di mana waktu itu saya adalah pembangkang dan banyak lawatan-lawatan ke luar Negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat dulu bekas Sg. Panjang mesti diikuti, diiringi oleh Dato' Tan Ah Chai sampai sekarang hari ini, baru saya maklum, baru saya tahu ada sesuatu yang berlaku di antara kepimpinan beliau yang lalu dengan Tan Ah Chai maknanya

Talam hutang dengan Kerajaan Negeri dengan MBI begitu banyak ada kaitan dengan kepimpinan yang lalu yang tidak mengamalkan konsep ketelusan, mengamalkan kroni dan kenapalah sebab itu seseorang yang memegang jawatan Menteri Besar selama 8 tahun bisa mempunyai istana sebanyak berharga RM 24 juta istana Khir Toyo.

Kenapa, dari mana kekayaan beliau dapat, inilah jawapannya menjaga kroni dan kroni akan menjaga beliau. Inilah contoh-contoh, akhirnya yang rugi siapa, yang rugi adalah kerajaan adalah rakyat Negeri Selangor. Mujurlah nasib baik pada 8 Mac pilihan raya yang lalu 2008 rakyat Negeri Selangor telah bangkit dan memberi kepercayaan kepada Pakatan Rakyat yang terus mengamalkan konsep ketelusan dan kebertanggungjawaban dan keupayaan dan sekarang inilah kita melakukan anjakan reformasi, *reform* dalam mengutip hutang-hutang ini dan sekarang sudah nampak ketelusan-ketelusan dan nampak sesuatu yang positif dan akan datang kita dapat membelanjakan duit sebanyak 392 juta demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Dan kalau sekiranya duit ini masuk ke dalam, dapat mengutip duit ini saya berharaplah Yang Amat Berhormat dapat mempertimbangkan keluhan-keluhan daripada Ketua-ketua Kampung kita, Ketua-ketua Kampung daripada Kg. Tradisional daripada Kg. Baru Cina yang mereka ini sekarang dibayar elaun yang cukup rendah 450.00 Ketua Kampung dan mereka kadang-kadang mengeluh kerja yang mereka lakukan tidak setimpal dengan kerja-kerja mereka, tidak setimpal dan mereka terpaksa turun ke padang berkhidmat untuk rakyat banyak komplek siang dan malam tetapi dengan elaun seperti 450 ni saya rasa perlu diberi sedikit semakan peningkatan dan keduanya kalau boleh kita berikan sedikit peruntukan minimum untuk mereka menjalankan kerja-kerja kebajikan dan sebagainya kepada rakyat di kampung-kampung mereka. Ini saranan dan cadangan saya kepada Yang Amat Berhormat sekiranya hutang ini dapat dibelanjakan dan yang paling pentingnya dalam peluang keemasan ini juga saya ingin mengutarakan dalam satu permasalahan hal yang penting untuk diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana ADUN-ADUN Pakatan Rakyat ADUN-ADUN daripada seluruh Negeri Selangor ini sekarang yang menerima elaun saran sebanyak RM4,112.79 ini adalah satu tahap yang tidak begitu memuaskan kerana kalau saya tanya dengan kawan-kawan dan kadang-kawan saya tanya yang menjadi penjajah di warung-warung mee goreng dan sebagainya, kadang-kadang mereka rajin 1,000 sebulan mereka boleh dapat lima, enam ringgit kalau mereka rajin, lima enam ribu ringgit mereka dapat kadang-kadang penjual goreng pisang yang rajin pun mereka boleh dapat 5,000. Tetapi sedih lah malang sikit, ADUN-ADUN yang dipilih oleh rakyat di setiap kawasan mewakili rakyat di setiap kawasan misalnya Bukit Antarabangsa, di Kg. Tunku, di Sekinchan, rakyatnya 10,000, 20,000, 30,000 tetapi hanya dibayar dengan elaun tidak sampai 4,000, 4,000 lebih tak sampai 5,000. Jadi saya rasa ini tidak setimpal dengan kerja-kerja dan kita tengok dengan negeri-negeri yang lain seperti di Sabah. Baru-baru ini pun Sabah sudah pun membuat semakan dan menaikkan elaun saran ADUN-ADUN ke satu tahap yang lebih 5,000 lebih, lebih munasabah kita melaungkan, kita terus kebertanggungjawaban dan keupayaan dan kita menghindarkan diri daripada sebarang gejala rasuah, ini penting. Kita tengok, kita pandang ke Singapura, ke Hong Kong kerana apa, indeks rasuah mereka rendah kerana wakil rakyat mereka, menteri mereka diberi gaji yang tinggi cukup untuk mereka hidup dengan selesa dan dapat berkhidmat dengan baik kepada rakyat. Tidak boleh kita suruh kerja kuat bertungkus lumus siang malam turun-padang, turun padang bersama rakyat tetapi elaun yang dibayar hanya fulus agak 4,000 lebih dalam pepatah Cina (**bahasa Cina**) kita tidak boleh biarkan kuda itu berlari kuat kerja tapi tidak mahu beri makan pada kuda tersebut lama kelamaan kuda tersebut akan mati kelaparan. Kita setakat di Negeri Selangor ini bukanlah mati, tidak, kita boleh hidup tetapi dalam keadaan ini, kenaikan harga barangan inflasi yang tinggi saya rasa sudah sampai masa sekiranya hutang dapat dikutip Yang Amat Berhormat sebagai seorang bekas CEO seorang tokoh korporat memang faham, patut semakan dibuat dalam masa yang terdekat ini.

Sekian sajalah, saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kajang, silakan.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk membahas Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan Tambahan. Kajang mendapati dalam laporan Ketua Audit yang dibekalkan kita memang mendapati dan kita mengucapkan juga terima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar yang memimpin Negeri Selangor ini yang telah mendatangkan keuntungan kepada rakyat dan secara keseluruhannya kita telah nampak peningkatan seperti yang dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara 2008. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 adalah bertambah baik berbanding tahun 2007 bagi kumpulan wang disatukan dan kita nampak ada peningkatan sebanyak 37.92 juta dan ini merupakan 2.7% peningkatan. Ini adalah kerana kita dapati peningkatan ini adalah hasil daripada keberkesanan khasnya dalam pentadbiran wang tunai yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada Mei 2008 dan Jawatankuasa ini telah menguruskan wang tunai ini dengan melaburkan dalam pelaburan tunai pelaburan jangka masa pendek ia telah mendatangkan sebanyak 60.6% peningkatan iaitu pada tahun 2007 jumlah yang dapat hanya 7.22 juta dibandingkan dengan 2008, 19.14 bezanya amat besar. Ini menunjukkan bagaimana seorang bekas korporat yang memimpin Negeri Selangor ini memang begitu cekap dan begitu amanah dan begitu berkesan dalam pengurusan wang. Dan kita nampak juga peningkatan...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, kita sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan itu adalah masalah pokok jadi sentuhlah sedikit perkara tambahan jangan terus masuk laporan audit, ini bukan perbahasan laporan audit.

YB TUAN LEE KIM SIN: Berkaitan dengan ini juga kita nampak ada juga kekurangan dari segi, terdapat juga peningkatan dalam pentadbiran iaitu belanja, belanja menyebabkan kita perlukan ada pertambahan iaitu kita nampak peningkatan dari segi pelan perbelanjaan berbanding 2007 ada peningkatan sebanyak 27.2%, dari segi perbelanjaannya maka ini menunjukkan tanggungan yang lebih kalau di banding dengan tahun-tahun yang lepas dan juga kita dapati ada kekurangan dari segi mendapatkan balik tunggakan-tunggakan yang misalnya satu contoh di mana tunggakan sebanyak RM 15.05 juta dari jualan saham pelaburan Petronas Dagang Berhad dan Malaysia Airport Berhad pada 2006 di mana pada 2008 masih belum menerima pembayaran kepada Kerajaan Negeri. Dan juga sebanyak peningkatan yang sebanyak RM 231.24 juta yang digunakan pada tahun 2008 kalau di banding dengan 2007 kita dapat lebih pendapatan menurun RM 49.11 juta kalau di banding dengan RM 131.88 juta iaitu peningkatan hasil yang menunjukkan lebih rendah peningkatan perbelanjaan pengurusan bagi peningkatan perbelanjaan mengurus telah meningkat dan ini menunjukkan peningkatan dari segi perbelanjaan kita yang menjadi tanggungan pada 2008 yang menyebabkan kita perlukan belanja lebih dalam pengurusan dan ini walaupun menunjukkan ada pendapatan yang lebih tapi dari segi pengurusan ia bertambah tinggi kalau dibandingkan pada tahun-tahun lepas maka adakah ini menunjukkan penambahan dari segi tenaga kerja dan usaha untuk mendapatkan hasil yang lebih menyebabkan peningkatan dari segi kos dan kos penambahan ini kalau dibandingkan pada tahun-tahun yang lepas agak tinggi dan sekiranya kita dapat mengurangkan dari kos penyelenggaraan dan juga tenaga kerja emolumennya maka kita dapat menjimatkan dari segi perbelanjaan. Dan juga kalau kita nampak pembaziran yang telah berlaku pada Kerajaan yang lepas telah menjadi tanggungan pada kerajaan kita pada tahun 2008. Kajang berkesempatan menjawab pengerusi Jawatankuasa Wang Kira-kira Wang Awam

kita mendapati bahawa terdapat projek-projek penswastaaan yang lalu seperti projek pemindahan orang asli dari bukit Cherakah, projek yang memang besar yang mendatangkan kerugian pada kerajaan negeri, projek Marine Park di Sabak Bernam yang mendatangkan kerugian dan tanggungan dan penanaman semula pokok-pokok dan hutan simpanan kekal dan taman orkid antarabangsa dan projek-projek yang banyak lagi yang didedahkan dalam laporan audit pada tahun-tahun yang lepas dan juga yang terbaru memang menunjukkan bebanan yang agak tinggi yang merugikan kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan memang berharap dan kita memang nampaknya dengan pengurusan yang baru di Kerajaan Negeri Selangor ini kita dapati semua kes-kes ini semakin berkurangan dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai jabatan dan juga pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor ini. Hasil daripada kutipan semakin meningkat dan kita ucap terima kasih kepada penjawat-penjawat awam yang telah berusaha bersama-sama dengan kerajaan baru di negeri Kerajaan Negeri Selangor. Sekian saja, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli Yang terhormat, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada rakan-rakan dari Kg. Tunku, Bukit Antarabangsa, Subang Jaya, Sekinchan dan Kajang, yang sama-sama menyertai perbincangan perbahasan tentang peruntukan yang kita cadangkan. Saya ingin mengambil masa sedikit untuk memberikan penerangan bagaimana penyusunan semula hutang-hutang ini dilakukan, dan apa sebabnya kita bawa ke Dewan. Dan mengapa pula kita serahkan kepada MBI, seperti yang dinyatakan oleh Bukit Antarabangsa. Mengapakah tugas ini sekarang terletak di tangan MBI untuk menentukan pendapatan dan pengutipan hutang-hutang di sini.

Tuan Speaker, apabila saya menerajui Selangor sebagai Menteri Besar, saya juga ditugaskan sebagai Menteri Besar yang mempunyai kuasa kepada MBI Incorporated yang dipanggil Perbadanan Menteri Besar. Perbadanan Menteri Besar sebagai '*investment arm*', ataupun tempat pelaburan untuk kerajaan negeri. Tetapi perkara yang saya dapati daripada awal, MBI ini tidak jelas dalam struktur yang dahulu. Dalam struktur yang dahulu, MBI ini tersorok, disimpan di bawah sebuah anak syarikat KDEB yang kita yang memberi 100% kuasa kepada KDEB, '*power of attorney*' kepada KDEB untuk menjalankan tugas-tugas MBI. Dan ini merupakan satu perkara yang saya tak terfikir boleh dibenarkan oleh seorang Menteri Besar, kerana KDEB sepatutnya duduk di bawah MBI, dan MBI di bawah kuasa kerajaan negeri. Tetapi KDEB yang menguasainya. Oleh sebab itu KDEB boleh membuat apa-apa usaha sama lebih besar tarafnya daripada MBI sehinggakan MBI tidak mempunyai kuasa apa-apa dalam pentadbiran pelaburan-pelaburan negeri. Dan perkara ini sudah dinyatakan dalam audit, Audit Negara, ada menyatakan perkara ini sejak 2006 dan tidak dilakukan.

Jadi oleh sebab itu, salah satu daripada tugas saya, adalah mengambil balik MBI itu supaya menjadi syarikat induk kepada syarikat tersebut. Itu pun kita lakukan melalui penyusunan sebab KDEB pada dasarnya agak tidak rasa senang hati kalau dah diambil kuasa tersebut. Tetapi saya sudah tegaskan, ini hak Kerajaan Negeri dan saya ada membuat penyusunan semula sampai kita membuat kertas ke Mahkamah supaya apa yang dipanggil '*letter of authority*' itu, yang memberi kuasa kepada KDEB itu ditarik balik dan barulah MBI ditubuhkan, dan menguasai KDEB dan syarikat-syarikat yang lain. Itu perkara yang pertama, oleh sebab itulah la MBI ini mula beroperasi sepenuhnya pada Disember 2008.

Sekarang MBI ini berada di tempat Menteri Besar Incorporated, iaitu satu pejabat ataupun satu organisasi yang sama, yang mempunyai tanggungjawab kepada Dewan Negeri ini. Dan ini sudah saya selesaikan, itu peringkat yang pertama.

Peringkat yang kedua, dengan melihat perniagaan dan akaun-akaun syarikat dalam MBI ini. Akaun-akaun ini walaupun diluluskan tiap-tiap tahun oleh lembaga pengarah dan kemudiannya pemilik saham. MBI lulus sahaja dan tidak menyemaknya. Saya dapati banyak hutang ini tidak dinyatakan sepenuhnya dalam akaun itu. Hanya apabila orang bayar hutang baru dimasukkan. Jadi orang tak bayar hutang tidak adalah. Jadi kalau kita diam sahaja, macam, seperti kata Bukit Antarabangsa, dah lepaslah. Lepas. Hutang dah lepas, dah tak ada. Boleh jadi ada satu Jawatankuasa Melawat Luar Negeri belajar cara nak mencari hutang ataupun mengutip hutang. Ini tidak berlaku.

Dan yang saya lakukan ialah saya tengok akaun itu dan saya buat satu pasukan untuk meneliti hutang-hutang ini. Tiap-tiap syarikat, kita panggil untuk menentukan hutang-hutang ini ada atau tidak. Kita baca setiap perjanjian, akhirnya kita dapat kumpulkan. KDEB berhutang, Talam, Kumpulan Talam berhutang dengan KDEB berapa banyak, berapa banyak ia berhutang dengan UNISEL, iaitu satu syarikat dalam MBI yang menguasai Universiti Selangor dan PNSB. Kesemuanya ini bukan sahaja kita kata tak ada hutang, tetapi kita perlu semak hutang-hutang tersebut. Dan selepas semakan kita panggil orang yang berhutang dengan kita supaya nak tau, dia ingat ke atau tidak hutang tersebut. Jadi jawapannya bukan sahaja itu. Jawapannya dia kata ada setengah tu, *'that is distill'*. Dia kata tak ada. Tak ada dalam akaun saya. Tak ada dalam akaun ini. Jadi kita mengambil masa. Dalam mengambil masa itu saya ingatkan kumpulan tersebut. Sekarang berniaga dengan kerajaan negeri, iaitu berniaga dengan satu pasukan yang berniaga secara terus. Kalau berniaga keuntungan kita kongsi, hutang kena bayar. Jika tidak tak boleh niaga dalam negeri Selangor. Jadi kita semak, dan kita semak, itu mengambil masa, ada kalanya kita *'check'* balik, semak.

Semakan kita menunjukkan hampir 500 juta, bukan 392, hampir 500 juta. Tapi oleh sebab akaun-akaun kita ini tidak kemas, itu masih lagi dalam perbincangan. Jadi saya ambil mana yang sudah jelas, yang ada lagi tu, masih lagi kita bincangkan. Dan hasilnya kita sudah tetapkan, mereka juga setuju, ini betul-betul hutang mereka. Kita juga setuju, ini hutang yang mesti dikutip dan ada dijanjikan, bukan kita ambil dalam akaun. Dia setuju dan menandatangani hutang tersebut dan hendak termasuk sekarang sebagai hutang-hutang yang perlu dibayar, yang 392 juta ini. Ini sudah kita tegaskan, tetapkan, ini ada perjanjian. Surat perjanjian itu pun sudah ditandatangani sebelum kita membawa perkara ini kepada Dewan. Tetapi saya fikir, kalau dibiarkan sahaja dalam syarikat-syarikat ini, rakyat tidak tahu, Ahli Dewan Negeri tidak tahu, dia tidak tahu, dan kalau tidak tahu, kalau semua tak tahu nanti, tak bayar hutang, tak bayar hutang.

Jadi saya minta semua syarikat melepaskan hutang mereka kepada negeri. Maknanya, hutang-hutang ini diserahkan sebagai kepunyaan negeri Selangor. Walaupun dia berhutang kepada syarikat, syarikat itu mengatakan kepada orang yang berhutang itu, sekarang hutang-hutang saudara sudah dimiliki oleh kerajaan negeri, bukan saya. Jadi you kena jaga, kerajaan negeri jadi orang yang punya hutang itu. Tauke. Sudah kerajaan negeri, itu yang saya buat. Supaya semua Ahli Dewan ini tahu, hutang ini sudah tercatat dalam negeri.

Terima kasih pada rakan-rakan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan Perbendaharaan yang bersama-sama memikirkan bagaimana kita nak memutuskan supaya wang ini, atau dalam bentuk harta yang dipanggil hutang ini, dimasukkan ke dalam akaun negeri yang disatukan.. Maknanya, apabila negeri itu mendapat pendapatan boleh dimasukkan ke dalam akaun negeri.

Tetapi akaun negeri, oleh sebab ketatnya penjagaan akaun negeri ini, akaun negeri hanya diterima masuk dalam akaun jika dalam bentuk wang tunai. Hutang biasanya dianggap sebagai harta, tidak boleh dimasukkan ke dalam akaun yang disatukan, sebagai pendapatan, kalau tidak boleh diterjemahkan dalam bentuk 'cash'. Maknanya 392 juta itu ialah harta dalam bentuk hutang, mesti diterjemahkan dalam bentuk 'cash', barulah boleh dimasukkan ke dalam peruntukkan ataupun penerimaan, 'consolidated' akaun, akaun yang disatukan, baru dimasukkan. Jadi timbul perkara bagaimana untuk mencairkan hutang. 'how to liquid the desk'. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan daripada PKNS dan lain-lain, katanya 'lets do it, translate it' terjemahkan ini sebagai satu usaha supaya kita dapat bawa hutang ini, cairkan hutang ini, dan masukkan ke dalam akaun ini. 'Consolidated account' ini, masukkan, jadi kita sudah berbincang dan bank juga bersetuju atas nama negeri Selangor, 392 juta ini bukan angka yang terlalu besar untuk negeri Selangor. Bank kata ok, kita boleh beri 'cash' pada you, berasaskan 392. Dan sekarang sudah ada cash 392 apabila saya berdiri di Dewan ini. Dan 'cash' ini sudah kita masukkan ke dalam akaun yang disatukan. Dan apabila kita setuju, cash ini kita berikan kepada MBI untuk dipulangkan balik kepada SSIC ataupun yang kita katakan pulangkan balik Selangor Industrial Corporation yang membayar balik kepada bank. Maknanya hutang di dalam itu tiada, yang tinggal tanggungjawab MBI mengutip hutang daripada yang dijanjikan. Tapi apa yang jelas, kita sudah tunjukkan kepada Dewan bahawa dalam akaun negeri sekarang sudah ada RM392 Juta yang kita serahkan kepada MBI untuk dikutip dan dicari dana ini. Sebab kita sudah meluluskan perkara tersebut. Dan oleh sebab itu tanggungjawab pengurusan ini sudah terletak di Dewan Yang Mulia ini.

Saya percaya rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional boleh belajar tentang perkara ini. Ia bukan satu perkara bagaimana kita adakan ketulusan sebagaimana yang kita buat dan mempertanggungjawabkan bagaimana hutang-hutang itu. Tetapi ia suatu perkara bagaimana cara kutip hutang, membuat akaun hutang, bagaimana menyemak, akaun mesti dibuat dan dibawa dan dimasukkan balik dalam kumpulan ini dan hutang ini juga. Saya tahu, ini tanggungjawab yang besar untuk MBI untuk mengutip hutang-hutang tersebut. Ini tanggungjawab yang besar. Tetapi tanggungjawab itu jangan disorokkan. Yang disorokkan itu apabila tidak hendak bayar hutang. Tanggungjawab itu kita tunjukkan. Ini berlaku. Bayangkan bagaimana sekarang, rakan kita dari Sekinchan sudah tahu kalau dapat hutang ini banyak kerja yang boleh kita lakukan. Saya pun segan juga. Saya tidak mahu hendak janji sebab kalau kita dapat hutang ini kita perlu bincangkan dalam bajet kita pada tahun 2010 kita tidak boleh janji sekarang nanti kalau naik gaji semua hutang belum dapat, macam mana? Saya terima cabaran ini. Tapi cabaran itu memberikan kuasa pada kita. Orang yang hendak berniaga dan mengurus niaga dengan Kerajaan Negeri Selangor kena buat dengan cara yang betul. Hutang! kalau hutang, hutang kena bayar. Kalau melabur untuk negeri mesti dapat untung bukan menyebabkan negeri mendapat kesukaran. Kita sudah *stand-up, standard of state*. Ini caranya. Ini yang kita hendak tunjukkan. Bagaimana. Ini bukan nak beri penyapu untuk cari duit RM20 juta dan semua orang kena penyapu. Ini hendak cari 392 Juta tak perlu penyapu langsung. Tiada. Tak perlu. Ini caranya. Ini cara menunjukkan bahawa Negeri Selangor mempunyai kepakaran untuk mengembalikan harta Selangor balik kepada rakyat negeri Selangor.

Walaupun saya mungkin minta pegawai-pegawai kerajaan bekerja kuat, namun saya tidak membenarkan mereka, bukan nak cari cara sedikit sampai orang diberi penyapu, tidak. Ini cara yang sebaik-baiknya. Dan saya berterima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri kerana beliau kata ini cara kita bersama Kerajaan. Bersama-sama kita memikirkan bagaimana ini dapat dilakukan dan sudah tentu hari ini kita berani berdepan di dalam Dewan ini untuk bersama-sama membincangkan satu perkara yang sangat penting. Bayangkan, Saudara Dr. Xavier datang berjumpa saya hendak membahagi RM2 Juta kepada kanak-kanak miskin. Saya diam saya buat tidak tahu. Ya, saya buat tidak tahu, saya kata "nantilah dahulu". Dia cakap macam

nana “Bagaimana saya menjaga kebajikan”. Kebajikan apa maknanya? Orang datang minta duit.” Saya kata jangan beri.” “mana boleh”. Jadi, sebab kerana apa? Kalau negeri tidak mempunyai kumpulan wang bagaimana kita hendak memberi dia balik. Oleh sebab itu tanggungjawab kita, tanggungjawab negeri, mencari wang satu tanggungjawab yang besar. Dan membelanjakan dengan sebaik-baiknya, dengan amanah itu pun juga tanggungjawab yang besar. Sekarang, hari ini dewan melihat satu perkembangan baharu persoalan tentang pencari wang menentukan setiap harta dalam negeri Selangor ini diurus dengan sebaik-baiknya yang boleh menghasilkan pulangan kepada rakyat itu diletakkan, yang diutamakan. Ini bukan bercakap wang Malaysia yang utama, ini bukan. Ini utama, itu cakap cerita.

This is real. Ini yang saya minta, kita bincangkan perkara ini dan saya berterima kasih kepada rakan-rakan dan saya tidak hendak bercakap terlalu panjang, nanti rahsia kita diterima oleh orang lain. Sebab negeri Selangor boleh jadi penasihat kewangan untuk beberapa negeri untuk menyelesaikan beberapa usaha ini dan terpaksa membayar. Sebab Sekinchan hendak elau lebih. Jadi oleh sebab itu perlu mendapatkan beberapa sumber pendapatan yang lain. Tetapi Tuan Speaker, ini suatu usaha yang perlu kita sama-sama bertanggungjawab. Satu usaha yang perlu kita serahkan kepada negeri. Dan negeri bersama-sama untuk menentukan harta-harta ini kita dapatkan dan diurus dengan sebaik-baiknya.

Kampung Tuanku juga mempersoalkan tentang KEDB dan tentang pemberian air percuma. Pemberian air percuma tidak masuk dalam akaun negeri. Ia masuk dalam akaun KEDB. Sebab mengikut kiraan saya, keuntungan KEDB untuk menjual harta konsesi air itu kepada kerajaan negeri dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melebihi had penggunaan air ini untuk tiga (3) tahun, Jadi saya sudah buat kiraan. Apabila penyusunan semula ini dilakukan, Kerajaan Negeri memasukkan kiraan air percuma itu dalam penyusunan semula syarikat-syarikat air di negeri Selangor ini. Oleh sebab itulah, saya terangkan satu masa sebab kita masih lagi berbincang dengan Kerajaan Pusat mengenai pembiayaan tersebut. Sebagai contoh nilai yang tidak dikira untuk aset-aset air di negeri Selangor dikatakan pada tahun 2006 melebihi 11 000 juta. Jadi Kerajaan Persekutuan mula bercadang untuk membayar 1 juta. Saya kata, saya boleh kira lebih baik daripada itu. Kalau kita dapat pun 7000 Juta berapa tahun rakyat Selangor dapat air percuma. Jadi, saudara boleh katakan yang kaya pula mendapat air percuma yang miskin sepatutnya dapat lebih banyak. Tetapi dalam usaha ini, kalau kita asingkan, maknanya kita juga tidak memberi keadilan kepada semua rakyat Selangor yang sama-sama memerlukan air.

Keadilan itu perlu ada, walaupun dalam siri usaha kebajikan kita, kita juga beri tumpuan kepada yang miskin. Saya ingat Yang Berhormat Rodziah boleh jelaskan bagaimana usaha untuk memberikan jati diri kepada ibu tunggal bukan sahaja untuk menerima, tetapi bekerja. Semua itu kita ambil kira. Kedua, akaun tidak dapat mengasingkan siapa yang kaya siapa yang miskin. Kita pula ada satu Jawatankuasa memilih kos lebih lagi daripada memberi air percuma. Oleh sebabkan itulah pada kita, dalam kiraan kita, kita perlu membenarkan peruntukan sementara ini dan apabila disusun semula Kerajaan Negeri boleh mendapat balik duit ini. Dan, Pengarah Kewangan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri bukan bagi duit ini *free*. Dia punya kos lebih tinggi daripada yang dia boleh dapat untuk disimpan di bank. Bukan beri *free*, tiada. Ini peruntukan tetapi bukan *free*, kena bayar. Kedua, kita sudah ada *cash management*. Jadi peruntukan atau dana warisan kita lakukan supaya pendapatan kita bertambah baik.

Jadi, Tuan Speaker saya rasa saya boleh menerangkan dengan lebih terperinci tentang perkembangan kewangan kita dan program belanjawan kita untuk 2010 yang saya sediakan untuk hari esok. Oleh sebab itulah, saya berharap Dewan ini memberikan kita peluang supaya Kerajaan Negeri dapat menjalankan satu tugas yang paling penting untuk rakyat bahawa kita

hendak mengembalikan harta kepada rakyat. Inilah konsep merakyatkan ekonomi yang kita terjemahkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di depan Dewan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan untuk kali kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini Fasal demi Fasal.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai Ahli Jawatankuasa.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana dalam notis pindaan yang diedarkan terlebih dahulu. Mukadimah Rang Undang-undang ini dipinda digantikan dengan perkataan 66, 458, 695 dengan perkataan Empat ratus lima puluh lapan juta, empat ratus empat puluh lima ribu dan satu ratus enam puluh lapan ringgit (RM458,445,168.00) dalam teks bahasa kebangsaan Enakmen ini dan *Sixty six million, four hundred fifty eight thousand and six hundred and ninety five* ringgit (RM66,458,695.00), dengan perkataan *four hundred fifty eight million, four hundred fifty eight million, four hundred forty five thousand and one hundred and sixty eight* ringgit (RM458,445,168.00) dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka dan dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah Pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Mukadimah seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER: Mukadimah seperti yang dipinda menjadi sebahagian Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah Pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 1.

TUAN SPEAKER: Fasal 1 menjadi sebahagian Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Pindaan Fasal 2.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat masa telah menunjukkan pukul 1, Dewan sidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, masa telah menunjukkan pukul 1 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula, Dewan bersidang dalam jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN: Pindaan fasal 2.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi saya memohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dapat dipinda sebagaimana yang dinyatakan di dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dulu. Pindaan dalam fasal 2 rang undang-undang dengan menggantikan dengan perkataan enam puluh enam juta empat ratus lima puluh lapan ribu dan enam ratus sembilan puluh lima ringgit dengan perkataan. Empat ratus lima puluh lapan juta empat ratus empat puluh lima ribu dan satu ratus enam puluh lapan ringgit dalam teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini dan juga *sixty six million, four hundred fifty eight thousand and six hundred and ninety five* ringgit dengan perkataan *four hundred fifty eight million, four hundred forty five thousand and one hundred and sixty eight* ringgit dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalah ini adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Fasal 2 seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER: Fasal 2 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Pindaan jadual.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya memohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang mana dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam jadual rang undang-undang dengan menggantikan perkataan enam puluh enam juta empat ratus lima puluh lapan ribu enam ratus sembilan puluh lima ringgit dengan perkataan empat ratus lima puluh lapan juta empat ratus empat puluh ribu satu ratus enam puluh lapan ringgit dalam teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini juga enam ratus *sixty six million, four hundred fifty eight thousand and six hundred and ninety five* ringgit dengan perkataan *four hundred fifty eight million, four hundred forty five thousand and one hundred and sixty eight* ringgit dalam teks Bahasa Inggeris Enakmen ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER: Jadual seperti yang dipinda sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Pindaan huraian.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya memohon membuat pindaan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam huraian rang undang-undang dengan menggantikan perkataan enam puluh enam juta empat ratus lima puluh lapan ribu dan enam ratus sembilan puluh lima ringgit dengan perkataan empat ratus lima puluh lapan juta empat ratus empat puluh lima ribu dan satu ratus enam puluh lapan ringgit dalam teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini dan *four hundred fifty eight million, four hundred forty eight million, four hundred forty five thousand and one hundred and sixty eight* ringgit dalam teks Bahasa Inggeris Enakmen ini.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Huraian seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER: Huraian seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata setuju, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan pada dewan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan dewan ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata setuju, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pembekalan Tambahan nombor 2, 2009.

TUAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membuat usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi berikut:- Bahawasanya dewan ini yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan sebelas dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan untuk menangguhkan dewan pada hari ini sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan itu saya menangguhkan sidang dewan ini sehingga hari esok jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 2.45 petang)